

**ANALISIS PEMBINGKAIAN TAJUK BERITA JENAYAH
DALAM BAHASA MELAYU DAN TERJEMAHANNYA KE
DALAM BAHASA TAMIL**

PARIMALA A/P GUNASEKARAN

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

**ANALISIS PEMBINGKAIAN TAJUK BERITA
JENAYAH DALAM BAHASA MELAYU DAN
TERJEMAHANNYA KE DALAM BAHASA TAMIL**

PARIMALA A/P GUNASEKARAN

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA
LINGUISTIK**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **PARIMALA A/P GUNASEKARAN**

No. Matrik: **TGC 120025**

Nama Ijazah: **IJAZAH SARJANA LINGUISTIK**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/**Disertasi**/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

Bidang Penyelidikan: **PENTERJEMAHAN/TRANSLATION**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: 02/04/2018

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh: 02/04/2018

Nama: **DR. KRISHNAVANIE SHUNMUGAM**

Jawatan: **SENIOR LECTURE**

FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK, UM

ANALISIS PEMBINGKAIAN TAJUK BERITA JENAYAH DALAM BAHASA MELAYU DAN TERJEMAHANNYA KE DALAM BAHASA TAMIL

ABSTRAK

Jenayah tetap akan berlaku setiap hari kerana naluri manusia tidak boleh dihalang daripada melakukan kejahatan. (*Sinar Harian*, 2 September 2013). Bagi memaparkan masalah-masalah jenayah sebegini, media massa memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk sikap masyarakat. Salah satu komponen media massa yang berpengaruh dalam membantu masyarakat melahirkan dan menyalurkan idea ialah akhbar. Seperti di kebanyakan negara lain, akhbar adalah media cetak yang utama di Malaysia (Jamudin Idris, 1996, p.19). Justeru itu, pihak akhbar mempunyai tanggungjawab yang berat dalam menyampaikan maklumat yang tepat kerana ia mempunyai kuasa yang besar dalam membentuk cara pemikiran rakyat.

Secara am, kajian ini bermatlamat untuk membuat kajian analisis pembingkai tajuk berita jenayah dalam Bahasa Melayu (teks sumber) dan terjemahannya ke dalam bahasa Tamil (teks sasaran). Secara spesifik kajian ini ada dua objektif iaitu: (1) Mengenal pasti bagaimana tajuk berita bahasa Melayu dibingkai berbanding dengan terjemahannya ke dalam bahasa Tamil. (2) Mengenalpasti sejauh mana tajuk berita jenayah dalam bahasa Melayu berbanding dengan terjemahannya ke dalam bahasa Tamil memenuhi kriteria tajuk berita yang jelas, tepat, padat dan menarik minat. Kajian ini menggunakan teori pembingkai (framing) Iyengar (1991 & 2009) dan Semetko dan Valkenburg (2000) sebagai kerangka teori untuk mencapai objektif 1 manakala kerangka teori Crystal (1969) dan Lamb (1985) digunakan untuk objektif 2. Crystal

menyatakan bahawa tajuk berita perlu mempunyai ciri yang jelas , ringkas atau padat dan sesuatu unsur yang unik dalam mesej yang dapat menarik perhatian pembaca. Lamb pula menekan ciri ketepatan maklumat dalam tajuk berita.

Data kajian dikumpul untuk tempoh sebulan iaitu dari 1 Mei 2014 hingga 30 Mei 2014. Terjemahan ke dalam bahasa Tamil dilakukan oleh empat orang penterjemah yang berpengalaman yang bekerja di agensi *Nam Naadu Media*, Kuala Lumpur. Dapatan kajian menunjukkan bahawa bingkai episodik, bingkai konflik dan akibat adalah bingkai-bingkai yang paling kerap digunakan dalam liputan tajuk berita jenayah bahasa Melayu dan juga tajuk berita jenayah yang diterjemahkan ke dalam bahasa Tamil. Penyelidik juga mendapati bahawa surat khabar bahasa Tamil lebih mementingkan penggunaan tajuk berita jenayah yang lengkap dan jelas berbanding tajuk berita jenayah bahasa Melayu dan oleh kerana ini menggunakan lebih banyak ítem leksikal dalam tajuk utama jika dibandingkan dengan tajuk bahasa Melayu. Dalam surat khabar bahasa Melayu ada contoh-contoh tajuk berita yang tidak lengkap dan juga kabur. Tajuk berita jenayah bahasa Melayu yang lebih padat dibandingkan dengan tajuk berita jenayah Tamil juga cenderung menggunakan bahasa kiasan seperti metáfora.

Penemuan kajian ini dapat memanfaatkan wartawan dan penterjemah yang bekerja di agensi-agensi media di Malaysia tentang konsep pemingkaian. Kajian ini juga mengesyorkan beberapa pendekatan dan strategi yang perlu dipertimbangkan oleh pihak media untuk membentuk tajuk berita jenayah yang tepat, jelas, padat dan menarik minat dalam bahasa Melayu dan juga bahasa Tamil.

AN ANALYSIS OF THE FRAMING STRATEGIES OF MALAY CRIME NEWS HEADLINES AND THEIR TRANSLATIONS INTO THE TAMIL LANGUAGE

ABSTRACT

Crimes occur every day because human instincts cannot be controlled from committing crimes. (*Sinar Harian Press*, September 2, 2013). The mass media plays a very crucial role in shaping the public attitudes by reporting crimes. One of the influential mass media conduits is the press. Like in many other countries, the press is the major print media in Malaysia (Jamudin Idris, 1996). Thus, the press has the important responsibility of delivering the right information as the power to shape the mental acuity of its readers lies in its hands.

The overall aim of this study is to conduct an analysis on the framing of crime news headlines in Malay (source text) in comparison to their translations into Tamil (target text). Its specific objectives are as follows: (1) To identify how the Malay crime news headlines are framed in contrast to their translations in Tamil and, (2) to investigate the extent to which the crime news headlines in Malay compared to their translations in Tamil fulfill the criteria of clarity, accuracy, brevity and attractiveness.

This study employs the theory of framing as proposed by Iyengar (1991 & 2009) and Semetko and Valkenburg (2000) as its theoretical framework to fulfill objective 1 while Crystal's (1969) and Lamb's (1985) is employed for objektif 2. Crystal (1969), states that a news headline should be "clear", "succinct", and should "have an intriguing message, to kindle a spark of interest" while Lamb emphasizes on the need for accuracy.

The data for this study was collected from a number of Malay newspapers for a period of a month that is from 1 May 2014 to 30 May 2014. The translations in Tamil

were done by four experienced translators working at *Nam Naadu Media* in Kuala Lumpur. The findings of this study revealed that the episodic, conflict and consequences frame are the main frames used in the coverage of crime news headlines in both the Malay and Tamil press media. The researcher also found that the Tamil crime news headlines placed more importance on achieving clarity and completeness of the message or accuracy compared to the Malay crime news headlines. As a result of this, the Tamil crime news headlines used more lexical items than the Malay ones. In the Malay data, there are a number of examples of crime news headlines that are incomplete and therefore vague or unclear. Finally, the analysis also revealed that the Malay crime news headlines which tend to be more succinct than the Tamil ones are also relatively more figurative in nature as they use metaphors.

The findings of this study can benefit journalists and translators working in media agencies in Malaysia on the concept of framing. The study also recommends a number of approaches and strategies that should be considered by the media to construct crime news headlines which are more accurate, clear, succinct and attractive both in Malay and Tamil.

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dr. Krishnavanie Shunmugam, penyelia saya yang memberi saya sokongan berterusan dan atas tunjuk ajar dan bimbingan berharga yang dicurahkan. Semoga ilmu yang diberikan berkat rahmat dan pahalanya terus mengalir kepadanya.

Selain daripada penyelia saya, saya juga berhutang budi kepada keluarga saya untuk semua pengorbanan mereka, sokongan moral dan kasih sayang yang tidak berkesudahan. Setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya tujukan buat ibu dan ayah saya yang tidak jemu-jemu memberi galakan dan semangat supaya terus berusaha bagi mempertingkatkan kerjaya saya hingga ke peringkat yang lebih tinggi.

KANDUNGAN

Abstrak.....	iii-iv
Abstract	v-vi
Penghargaan.....	vii
Table of Contents.....	viii-ix

BAB 1: PENGENALAN.....1

1.1 Latar Belakang Kajian	1-4
1.2 Permasalahan Kajian	5-6
1.3 Objektif Kajian	6
1.4 Persoalan Kajian	7
1.5 Kepentingan Kajian	7
1.6 Skop dan Data Kajian	8
1.7 Batasan Kajian	9
1.8 Kesahan dan Kebolehpercayaan.....	10

BAB 2: TINJAUAN KAJIAN BERKAITAN11

2.1 Pendahuluan	11
2.2 Konsep Berita.....	12
2.3 Latar Belakang Kerangka Teoretikal Pembangkaian.....	13- 16
2.3.1Konsep Model Zhondhang Pan dan Gerald M. Kosicki (1993).....	16-18
2.3.2Konsep Pembangkaian Iyengar (1991 & 2009).....	18-19
2.3.3 Konsep Pembangkaian Semetko dan Valkenburg (2000).....	19-23
2.3.4 Teori Crystal (1969) Lamb (1985)	23-24
2.4 Tinjauan Kajian Analisis Penterjemahan Tajuk Berita.....	24-27
2.5 Tinjauan Kajian yang Berkaitan tentang Pembangkaian dalam Berita.....	27-28
2.5.1Pembangkaian Tentang Bioteknologi.....	29
2.5.2 Pembangkaian tentang isu pendidikan.....	29
2.5.3Pembangkaian Berita Krisis Tebusan Di Manila.....	29
2.5.4Pembangkaian Berita Keselamatan Awam.....	30
2.5.5 Pembangkaian Tentang Isu Agama.....	31
2.6 Kesimpulan.....	31

BAB 3: METODOLOGI PENYELIDIKAN32

3.1 Pendahuluan.....	32
3.2 Reka Bentuk Kajian.....	32-33
3.3 Analisis Kandungan Kualitatif.....	34
3.4 Lokasi Kajian.....	35
3.5 Persampelan Kajian.....	35
3.6 Proses Penterjemahan Tajuk Berita Jenayah.....	36
3.7 Kerangka Teoretikal Kajian in.....	37
3.8 Teori Crystal (1969) dan Lamb (1985).....	38
3.9 Kesimpulan.....	39

BAB 4: DATA DAB ANALISIS.....	40
4.1 Pendahuluan.....	40
4.2 Analisis data.....	41
4.2.1 Janda mati dibunuh kekasih - மனிதர் உணர்ந்துகொள்ள, இது மனித காதலல்ல!	42-43
4.2.2 Terus dicekup tuan rumah – திருட வந்த போதைபித்தன் கைது!....	44-45
4.2.3 Meluru masuk hunus parang -பாரங் கத்தி முனையில், இரு திருடர்கள் கைவரிசை.....	46-47
4.2.4 ‘hantu koc’ buat lagi – ரயிலில் திருடிய குற்றத்திற்காக முன்னாள் கைதி, மீண்டும் கைது!.....	47-49
4.2.5 6 disyaki curi alat ganti jentera berat ditahan - 1.1 மில்லியன் பெருமானமுள்ள பொருள்களைத் திருடிய திருடர்கள் கைது!.....	49-50
4.2.6 Direman tiga hari -500 வெள்ளியைத் திருடிய முன்னாள் காற்பந்து வீரர் கைது!.....	50-51
4.2.7 Rompakan dalam masa tiga minit - 3 நிமிடத்தில் கொள்ளை, 16350 நஷ்டம்!.....	51-53
4.2.8 Bantal atas muka - தலையணையால் முகத்தை மூடி, முதியவர் கொலை!.....	53-55
4.2.9 Ditembak di majlis takziah –கருமகிரியை சடங்கில் ஒருவர் சுட்டு கொலை!.....	55-56
4.2.10 2 Penjenayah ragut gadis betulkan tudung kantoi - தன்வினை தன்னைச் சுடும்.....	56-58
4.2.11 Lelaki maut dirodok badik - கத்தியால் குத்தப்பட்டு இந்தோனேசியர் கொலை!.....	58-59
4.2.12 Pencuri lari tinggalkan 3 ekor lembu dalam MPV rosak – மாடு திருடு தொடர்கதையாகிவிட்டது.....	60-61
4.2.13 Maut ditembak depan kuil angkara dendam!- கோயிலில் இளைஞர் சுடப்பட்டு பலி!.....	61-62
4.2.14 Penggal Kepala Budak - பெண் குழந்தையின் தலையைக் கொய்தான்	63-64
4.2.15 Tali pinggang hinggap kepala – கேள்வி கேட்ட பாதுகாவலருக்கு பலத்த அடி	64-65
4.3. Kesimpulan	66
BAB 5 : RUMUSAN DAN CADANGAN	67
5.1 Pendahuluan.....	67
5.2 Dapatan kajian.....	67-71
5.3 Cadangan Kajian Lanjutan.....	72
RUJUKAN	73-78
LAMPIRAN.....	79

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Jenayah berlaku akibat perlakuan melanggar undang-undang seperti tindakan memusnahkan harta benda, mencuri harta milik orang lain atau melakukan tindakan agresif yang membawa kecederaan atau maut kepada seseorang. Di Malaysia nisbah bilangan kes-kes jenayah kian meningkat setiap tahun. Berikut adalah keratan berita dari *Utusan Melayu* yang mencatatkan kenaikan peratus jenayah dalam pada awal tahun 2016:

"Sebanyak 38,877 kes jenayah indeks dicatatkan bagi tempoh Januari hingga April tahun ini", kata Pengarah Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) Bukit Aman, Datuk Acryl Sani Abdullah Sani.

Beliau berkata, jumlah itu merupakan peningkatan sebanyak 4.6 peratus berbanding bagi tempoh sama tahun lepas.

"Daripada jumlah itu, hampir 58 peratus adalah membabitkan jenayah pecah rumah iaitu 6,662 kes, curi motosikal 12,216 kes dan pecah motokar 3,656 kes".

"Kes-kes kecurian kenderaan motokar dan motosikal menunjukkan penurunan bagi tempoh tiga tahun kebelakangan ini, namun berlaku peningkatan kes kecurian pecah rumah, samun dan ragut," katanya. (Utusan Online, 7 Mei 2016)

Baru-baru ini telah berlakunya satu kes pembunuhan yang melibatkan remaja berusia 18 tahun yang bernama T.Nhaveen yang telah menjadi berita gempar dikalangan rakyat Malaysia. Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Anuar Omar tidak menolak kemungkinan untuk mengklasifikasikan kes T.Nhaveen sebagai kes bunuh. (Astro Awani, 15 June 2017). Sehubungan dengan kes pembunuhan ini, rakyat Malaysia bertindak secara aktif dalam memberi maklumbalas dalam sosial media dengan menyebarkan pelbagai mesej, gambar ucapan takziah dan pelbagai video telah

dimuat naik untuk menuntut hukuman yang setimpal dengan kekejaman pembunuh-pembunuh yang terlibat. Kes pembunuhan ini dengan jelas menunjukkan bahawa rakyat perlu berhati-hati tentang hal-hal keselamatan. Walaupun pihak berkuasa mengambil tindakan yang drastik, namun masih tidak dapat mengurangkan kadar jenayah secara giat. Malangnya, jenayah tetap akan berlaku setiap hari kerana naluri manusia tidak boleh dihalang daripada melakukan kejahatan. (*Sinar Harian*, 2 September 2013).

Media massa memainkan peranan yang sangat penting dalam memberi maklumat tentang masalah jenayah yang berleluasa di luar dan dalam negara. Ini membantu membentuk sikap masyarakat yang lebih peka pada kemungkinan bahaya yang akan dihadapi mereka. Salah satu komponen media massa yang berpengaruh dalam membantu masyarakat mendapatkan pelbagai maklumat penting dan juga membekalkan saluran untuk mengutarakan pendapat rakyat ialah akhbar. Seperti di kebanyakan negara lain, akhbar adalah media cetak yang utama di Malaysia (Jamudin, 1996) Justeru itu, pihak akhbar perlu mempunyai segala kemahiran dalam membentuk ketajaman minda golongan sasaran bagi menyampaikan maklumat yang tepat. Dalam memberi maklumat yang penting daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran, penterjemahan bertindak sebagai nadi sesuatu akhbar (Muthurasan, 1994:320). Maka, kemahiran penterjemah juga adalah penting bagi penterjemahan berita secara tepat dan jelas.

Penterjemah memerlukan kepakaran dan pengalaman untuk menterjemahkan berita jenayah sepadan dengan berita yang diterima dalam bahasa asal. Sekiranya mesej yang hendak disampaikan itu tidak diterjemahkan dengan betul atau tepat mengikut teks asal ia akan menyebabkan kekeliruan kepada pembaca. (Naimah, 2005, p.g 47). Justeru itu, kajian ini meliputi berita-berita jenayah dalam Surat khabar *Nam Naadu Media*, iaitu bermula awal bulan Mei 2014 hingga akhir bulan Mei 2014. Fokus spesifik kajian

ini ialah untuk menganalisis tajuk berita jenayah bahasa Melayu dan penterjemahannya ke dalam bahasa Tamil.

Kita didedahkan dengan pelbagai maklumat dan berita yang kian berlaku di merata dunia. Berita ialah jendela dunia yang disebarkan melalui akhbar, majalah, radio, televisyen dan melalui internet (Asma, 2003, p.g 176). Oleh yang demikian, kita tidak boleh menafikan bahawa berita telah menjadi satu perkara yang penting dalam kehidupan seharian manusia. Oleh demikian, tajuk berita yang betul dan singkat dianggap sebagai satu-satunya cara untuk memberitahu pembaca berkenaan isi kandungan utama sesuatu berita.

Yassin (1986), pula menjelaskan bahawa dalam menyampaikan fakta, hujah dan pendapat, tidak terdapat teknik yang mampu menandingi keunggulan seperti akhbar kerana akhbar dianggap mekanisme yang menjadikannya paling berkuasa dalam kehidupan masyarakat. Hari demi hari, akhbar semakin mengakar dalam kehidupan manusia, mempengaruhi emosi dan mempertajam daya ingatan mereka (Saliza Ahmad, 2008, p.g. 58). Dalam bidang kewartawanan dan juga bidang penerbitan, tajuk dilihat sebagai satu jalan pintas untuk menarik minat pembaca untuk membaca kandungan surat khabar (Saxena, 2006, p.g 48). Ini bermakna, tajuk bertindak untuk merumuskan kandungan berita dan berusaha menarik perhatian pembaca untuk membaca teks artikel sepenuhnya. Sehubungan dengan itu, kita dapat menyimpulkan bahawa dalam kerjaya kewartawanan, tajuk berita memainkan peranan yang penting untuk memikat pembaca.

Tajuk utama akhbar merupakan satu model bahasa intensif yang perlu direka dengan bijak untuk sekali gus menarik minat pembaca dan memberitahu isi penting berita. Penulis tajuk berita dan juga penterjemah perlu mahir dalam penghasilan tajuk berita utama dengan mengikut peraturan-peraturan tertentu. Menurut Saxena (2006), tajuk biasanya dicirikan oleh 5 "Ws" (*Who, What, Where, When & Why*) iaitu siapa,

apa, di mana, bila dan mengapa. Tambahan pula, tajuk utama perlu menjimatkan ruang dan hanya aspek-aspek yang paling penting perlu dinyatakan di dalamnya. Tajuk yang dipilih bagi sesebuah berita haruslah tidak terlalu pendek dan tidak terlalu panjang sehingga mengelirukan. Kesemua- semua ciri ini patut diambil kira dan perlu dipertimbangkan semasa membuat penterjemahan tajuk berita.

Walaupun tajuk berita kelihatan sebagai sesuatu yang asas kepada sesuatu berita, adakala ia tidak meringkaskan apa yang patut diwakili oleh tajuk. Pada pendapat Metila (2013) tajuk sesuatu berita boleh membuatkan pembaca keliru atau samar-samar sekiranya ia tidak diterjemahkan dengan jelas dan tepat. Maka, penterjemah surat khabar patut mengambil kira semua perkara ini semasa memformulasikan sesuatu tajuk berita. Dalam surat khabar bahasa Tamil terjemahan tajuk dan berita daripada bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris juga adalah satu tanggungjawab besar yang perlu menitikberatkan kriteria-kriteria tertentu untuk menghasilkan penterjemahan yang efektif.

Tajuk berita mempunyai peranan yang penting untuk menarik minat pembaca. Walau bagaimanapun, tidak ramai sarjana dan penterjemah memberi perhatian kepada tajuk utama berita (Shi, 2014). Kajian tentang analisis tajuk berita banyak dijalankan di negara barat. Di negara Malaysia penyelidikan yang berkaitan tajuk berita amat kurang (Asma, 2003, p.g 87). Pada hemat penyelidik, permasalahan kajian ini dapat diatasi dengan melakukan kajian berdasarkan pendekatan teori model pembingkai (framing) yang diperkenalkan oleh Iyengar (1991) serta Semetko dan Valkenburg (2000). Weaver (2007), menghujahkan bahawa pemilihan teori pembingkai sebagai kerangka teoretikal kajian telah meningkat secara mendadak jauh mengatasi model-model yang lain. Hal ini kerana, teori ini mampu memberi suatu skema pemberitaan yang lebih jelas dan menyeluruh (Lee, Siti & Liana, 2013, p.g18).

1.2 Permasalahan Kajian

Menurut pendapat yang dikemukakan oleh Nurul & Faridah (2012), pada masa kini surat khabar lebih mencetuskan berita sensasi secara berlebih-lebihan hanya untuk menarik minat pembaca dan biasanya akan membuatkan masyarakat berasa takut dan bimbang dengan apa yang dipaparkan dalam surat khabar. Dengan ini, Fico & Drager (2001), menegaskan bahawa bagi memastikan keadilan dan keseimbangan dalam pemberitaan yang dilaporkan dalam setiap laporan berita jenayah, wartawan perlu lebih bertanggungjawab dan prihatin.

Berita yang dipilih dan dipaparkan oleh sesebuah surat khabar juga mempunyai implikasi, kerana berita boleh mencorakkan pengaruhnya ke atas pembaca terutamanya yang berkait hubung dengan masalah isu etnik. Dengan ini, bagaimana sesuatu berita atau tajuk berita dibingkaikan adalah sangat penting. Tajuk berita ialah sesuatu yang amat penting bagi surat khabar kerana ia berfungsi sebagai penarik minat pembaca.

Kajian lepas yang berkaitan dengan pbingkaian berita hanya sejumlah kecil sahaja dan kajian-kajian lepas ini tidak melibatkan tajuk berita jenayah tetapi berita penuh yang meliputi hal-hal selain daripada jenayah. Penyelidik-penyelidik tempatan seperti Halimahton, Raman & Hua (2006), Dafrizal, Fauziah & Faridah (2011), Yong & Md Sidin (2010), Yang & Md Sidin (2011) dan Yang & Md Sidin (2012) telah membuat beberapa penyelidikan mengenai liputan media yang berkaitan dengan isu kontroversi agama dan bangsa. Selain daripada itu, Muhammad & Adnan (2014), telah menjalankan satu kajian penyelidikan serta membuat perbandingan bagaimana dua surat khabar berlainan bahasa di Malaysia iaitu *The Star* dan *Utusan Malaysia* melaporkan isu konflik agama yang mencetuskan kontroversi berkaitan akidah dan kepercayaan umat Islam.

Jamilah, Latifah, Mus & Nurul (2010), telah membuat satu analisis kandungan terhadap empat surat khabar, iaitu *Utusan Malaysia*, *New Straits Times*, *Berita Harian*, dan *The Star* dalam melaporkan isu bioteknologi. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji liputan isu bioteknologi dalam surat khabar terbitan dari tahun 2001 hingga 2010. Kajian tentang berita jenayah dari segi isi kandungan sepenuhnya atau pemingkaian tajuk berita belum pernah dikaji. Maka kajian ini akan berfokus khususnya pada pemingkaian tajuk berita jenayah.

1.3 Objektif Kajian

1. Mengenalpasti bagaimana tajuk berita bahasa Melayu dibingkaikan berbanding dengan terjemahannya ke dalam bahasa Tamil.
 - a. Mengenalpasti unsur maklumat yang diutamakan dalam tajuk berita jenayah bahasa Melayu berbanding dengan terjemahannya ke dalam bahasa Tamil.
 - b. Mengenalpasti perbezaan dalam penggunaan bahasa tajuk berita jenayah bahasa Melayu berbanding dengan terjemahannya ke dalam bahasa Tamil.
2. Mengenalpasti sejauh mana tajuk berita jenayah dalam bahasa Melayu berbanding dengan terjemahannya ke dalam bahasa Tamil memenuhi kriteria tajuk berita yang jelas, tepat, padat dan menarik minat.

1.4 Persoalan Kajian

1. Bagaimanakah tajuk berita bahasa Melayu dibingkaikan berbanding dengan terjemahannya ke dalam bahasa Tamil?
 - a. Apakah unsur maklumat yang diutamakan dalam tajuk berita jenayah bahasa Melayu berbanding dengan terjemahannya ke dalam bahasa Tamil?
 - b. Apakah perbezaan dalam penggunaan bahasa tajuk berita jenayah bahasa Melayu berbanding dengan terjemahannya ke dalam bahasa Tamil?
2. Sejauh manakah tajuk berita jenayah dalam bahasa Melayu berbanding dengan terjemahannya ke dalam bahasa Tamil memenuhi kriteria tajuk berita yang jelas, tepat, padat dan menarik minat?

1.5 Kepentingan Kajian

Analisis pemingkaian tajuk berita merupakan suatu kajian yang sangat penting dan berpengaruh dalam kalangan masyarakat kita (Ahn, 2004, p.g 6). Sehubungan dengan itu, kepentingan kajian ini dapat dilihat dari segi sudut bidang bahasa media. Bahasa media berperanan dalam mempengaruhi pembentukan dan penyataan budaya, politik dan kehidupan masyarakat secara menyeluruh (Ahn, 2004, p.g 7). Dengan ini, kajian analisis tajuk berita jenayah dapat menyalurkan sumbangan kepada bidang kajian pemingkaian. Selain itu, kajian ini juga mempunyai beberapa kepentingan lain, antaranya:

1. Penyelidikan ini boleh dijadikan sebagai sumber rujukan dalam bidang kewartawanan/penterjemahan surat khabar bahasa Tamil.
2. Penyelidikan ini sedikit sebanyak diharap dapat membantu wartawan/penterjemah yang bekerja di agensi-agensi media di Malaysia tentang konsep pemingkaian yang akan dibincangkan dalam kajian ini.

3. Menyumbang sedikit sebanyak terhadap sebahagian daripada panduan penterjemahan daripada bahasa Melayu ke bahasa Tamil.
4. Analisis ini akan menghasilkan satu sampel penilaian secara ilmiah yang berhubung dengan keberkesanan dari segi pelaporan berita khasnya melalui tajuk berita di dalam surat khabar.
5. Memperkayakan hasil penelitian dalam peristiwa kebahasaan terutama aspek gramatikal dan leksikal.
6. Menambah khazanah kajian dalam bidang analisis pemingkaian dan linguistik umumnya.

1.6 Skop dan Data Kajian

Tumpuan khusus kajian ini adalah pada analisis tajuk berita sahaja. Penyelidik telah membataskan bahan kajian ini kepada analisis pemingkaian dalam tajuk berita jenayah. Data bahasa sumber untuk kajian ini telah dikumpul dari beberapa surat khabar bahasa Melayu manakala data bahasa sasaran dikumpul dari *Nam Naadu Media*, Kuala Lumpur. Bagi menjawab persoalan kajian yang telah dikemukakan, data berkenaan berita jenayah telah dikumpul selama 5 hari bekerja, iaitu bermula daripada 1 Mei hingga 30 Mei, 2014 (Isnin hingga Jumaat). Pemilihan tempoh tersebut adalah disebabkan kerana kesemua penterjemah yang terlibat dalam kajian ini berkerja penuh masa dalam tempoh tersebut.

Data yang dikumpul bagi tempoh tersebut digunakan untuk menjelaskan jenis-jenis pemingkaian yang digunakan dalam tajuk berita bahasa sumber berbanding dengan bahasa sasaran dengan mengkaji penggunaan ciri-ciri bahasa yang diutamakan. Sejauh mana tajuk-tajuk berita jenayah dalam kedua-dua bahasa ini berfungsi dengan

efektif untuk merumuskan berita dan juga dibandingkan di antara bahasa Melayu dan Tamil.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini hanya dapat menganalisa data yang dikumpul selama sebulan. Ini adalah kerana penterjemah di *Nam Naadu Media* tidak ada masa (kerana beban kerja mereka yang berat) untuk membuat terjemahan yang lebih dari 42 sampel yang dianalisis dalam kajian ini. Walaubagaimana pun oleh kerana ini adalah satu kajian perbandingan di antara bahasa Melayu dan bahasa Tamil, maka sebenarnya sejumlah 84 tajuk berita jenayah dari kedua-dua bahasa dikaji. Ini boleh dianggap satu jumlah data yang memadai untuk mendapat satu kesimpulan bagi kedua-dua objektif kajian ini yang cukup sah.

Hanya pemingkaian tajuk berita jenayah sahaja dapat dianalisis dalam kajian ini. Seluruh isikandungan/badan berita tidak dipilih untuk kajian kerana ia tidak dapat dimuat dalam kajian Sarjana seperti ini yang mempunyai had jumlah perkataan yang tertentu. Mengkaji keseluruhan berita (tajuk dan badan berita) lebih sesuai untuk kajian ijazah kedoktoran.

1.8 Kesahan dan Kebolehpercayaan

Secara amnya, penyelidikan yang mempunyai kesahan yang tinggi bererti dapatan yang diperolehi adalah berdasarkan fakta dan mampu memberikan justifikasi yang tepat dan jelas. Dalam kajian ini penyelidik memilih 4 orang penterjemah dari syarikat surat khabar *Nam Naadu Media* yang mempunyai pengalaman dalam bidang penterjemahan tidak kurang daripada empat tahun dan membuat penterjemahan tajuk

berita jenayah bahasa Melayu ke dalam bahasa Tamil. Kajian ini hanya melibatkan sample kajian yang kecil iaitu 44 sampel tajuk berita jenayah. Kesemua tajuk berita bahasa Melayu diterjemahkan ke dalam bahasa Tamil dan jenis-jenis pemingkaian tajuk berita dianalisis berdasarkan kerangka pemingkaian Iyengar (1991 & 2009) serta teori Semetko & Valkenburg (2000). Seterusnya penilaian tajuk-tajuk berita jenayah dalam kedua-dua bahasa dibuat berdasarkan kriteria ketepatan, kejelasan, kepadatan dan daya tarikan seperti yang disarankan oleh Crystal (1969) dan Lamb (1985).

University of Malaya

BAB 2

TINJAUAN KAJIAN BERKAITAN

2.1 Pendahuluan

Sorotan kajian ini terdiri daripada empat bahagian utama. Bahagian pertama dan kedua membincangkan dua aspek utama yang berkaitan dengan kajian ini iaitu tajuk berita dan konsep pemingkaian. Bahagian ketiga pula meninjau kajian-kajian yang berkaitan dengan analisis tajuk berita dan bahagian keempat pula menyorot kajian-kajian yang khusus berkaitan dengan analisis penterjemahan tajuk berita akhbar.

2.2 Konsep Berita

Berita merupakan satu laporan tentang isu-isu semasa yang penting, ganjil, tepat dan idea ataupun pendapat yang dapat menarik minat pembaca akhbar. Manakala, dari segi pandangan penyelidik Tuchman (1978), berita amat berbeza dan mempunyai tiga ciri yang penting untuk mengklasifikasikannya sebagai berita.

- I. Institusi sosial – satu institusi yang membolehkan pembaca mendapat maklumat daripadanya.
- II. Mempunyai ‘sekutu’ dengan institusi berkuasa.
- III. Berita dikumpulkan, ditentukan dan disebarkan oleh profesional bekerja dalam sesebuah organisasi yang menjalankan kegiatan berkaitan media.

(Siti Nursyahidah Abu Bakar, 2013, p.g 53)

Menurut pendapat Mus Chairil Samani (1992), sumber pilihan bernyawa sentiasa mendapat keutamaan dalam liputan berita di halaman pertama sesuatu surat khabar.

Sumber pilihan nyawa boleh dimaksudkan sebagai punca berita yang tidak diperoleh melalui amalan biasa dan bersifat hidup dan bersifat manusia (Mus Chairil Samani, 1992, p.g 53). Beliau juga telah mengubahsuaikan kategori-kategori yang pernah digunakan oleh Gans (1980), untuk membuat analisis isi kandungan empat akhbar harian terpilih di negara Malaysia. Sumber dalam kategori ini di kodkan berdasarkan kategori-kategori berikut:-

- I. Mangsa – Sumber yang tergolong dalam kategori ini ialah orang yang menjadi korban dalam kemalangan, kecurian, penipuan, kebakaran, peperangan, bencana alam, dan sasaran perbualan khianat atau jenayah termasuk keluarga dan kenalan seseorang mangsa itu.
- II. Tertuduh – Sumber yang tergolong dalam kategori ini ialah orang-orang yang telah, sedang, dan akan menghadapi tuduhan dalam mahkamah sama ada bersabit kes jenayah ataupun sivil.
- III. Pekerja – Sumber yang tergolong dalam kategori ini ialah buruh syarikat swasta atau kerajaan, serta pekerja dalam peringkat sokongan di pejabat kerajaan atau syarikat swasta.
- IV. Pelajar – Sumber yang tergolong dalam kategori ini ialah murid sekolah rendah dan menengah, mahasiswa di semua institusi pengajian tinggi anjuran kerajaan ataupun swasta.
- V. Orang Aneh – Sumber yang tergolong dalam kategori ini ialah orang yang terlibat dalam perlakuan-perlakuan aneh, termasuk yang terlibat dalam hobi-hobi ganjil, dan segala perbuatan yang pelik-pelik.
- VI. Sumber Rahsia – Sumber yang tergolong dalam kategori ini ialah sumber orang yang tidak dinyatakan oleh wartawan nama mereka secara jelas dalam berita demi menjaga kesejahteraan punca beritanya itu.

(Dipetik daripada Mus Chairil Samani, 1992, p.g 53)

2.3 Latar Belakang Kerangka Teoretikal Pembingkai

“Framing is the process by which communication source constructs and defines a social or political issue for its audience” (Nelson, Oxley, & Clawson, 1997, p.g. 42)

Pembingkai (*framing*) merupakan satu proses di mana sumber komunikasi membantu dan mentakrifkan sesuatu isu sosial kepada pembaca dan penonton. Konsep pembingkai ini telah digunakan secara meluas dalam bidang ilmu komunikasi dan media massa untuk menggambarkan proses pemilihan dan penyorotan aspek-aspek khas atau khusus sebuah berita. Menurut Baran (2015), pembingkai merupakan pernyataan bahawa orang menggunakan suatu pengharapan untuk memaknai dunia sosialnya. Pembingkai adalah proses di mana media menekankan atau memberi perhatian terhadap sesuatu aspek dan meremehkan perkara yang dianggap tidak penting. Misalnya, pembingkai dapat dilakukan dengan pertimbangan terhadap penggunaan sesuatu subtopik, nada dan lengkok penyampaian sesuatu isu. Takeshita (2006), merumuskan bahawa pembingkai berkeupayaan memilih dan menekankan beberapa isu tertentu sehingga berita itu menjadi penting dalam kalangan pembaca.

Framing differ significantly from these repetition and accessibility based models. It is based on the assumption that how an issue is characterized in news reports can have an influence on how it is understood by audience (Scheufele & Tewksbury, 2007, p.g 157).

Menurut Scheufele dan Tewksbury (2007), pembingkai ialah satu cara bagaimana media massa atau penterjemah menyusun dan membentangkan sesuatu peristiwa dan isu-isu hangat kepada pembaca dan apakah reaksi pembaca selepas membaca berita tersebut.

Then they edit words, adopt a particular tone (some stories will be treated seriously, others might get a humorous or ironic treatment) and decide on the visual images that will accompany the story; of which constitutes the framing of the story (Jewkes, 2004, p.g 41).

Selain itu, konsep pembingkai juga mempengaruhi persepsi pembaca dan ia juga memberitahu apa yang patut difikirkan dan bagaimana kita perlu fikirkan dan sebagainya.

“Frames influence the perception of the news of the audience, this form of agenda-setting not only tells what to think about, but also how to think about it” (Reese, 2001, p.g 56).

Dengan ini dapat disimpulkan bahawa pembingkai memberi kesan yang mendalam kepada pembaca untuk memahami dan bertindak balas terhadap sesuatu isu. Reese (2001), juga mempunyai pendapat yang sama, iaitu bingkai membantu berfikir tentang sesuatu fenomena sosial dalam cara tertentu, sama ada positif atau negatif.

Berdasarkan pandangan Eriyanto pula, pembingkai ialah satu cara bagaimana peristiwa disajikan oleh media. Pembingkai juga membantu memilih beberapa aspek daripada satu pengertian realiti dan menjadikan lebih penting dalam hubungan sesuatu kandungan (Entman, 1993, p.g 55). Beliau juga turut menyatakan bahawa bingkai adalah untuk memilih sesetengah aspek realiti yang dilihat dan menjadikannya lebih menonjol dalam teks komunikasi, dalam cara tersebut dengan menaikkan definisi masalah tertentu, interpretasi sebab-akibat, pertimbangan moral dan cadangan pengolahannya. Menurut Fairhurst & Sarr (1996), pembingkai terdiri daripada tiga unsur. Antaranya, 1) bahasa, 2) pemikiran, 3) pemikiran masa hadapan dan sebagainya.

Dalam pendekatan Pan dan Kosicki (1993,), pembingkai dapat dibahagikan kepada empat bahagian utama. Bahagian pertamanya ialah struktur sintaksis. Struktur sintaksis ini biasanya dikaji dari permulaan berita atau artikel. Selain itu, struktur sintaksis berhubungan dengan bagaimana wartawan menyusun peristiwa dan memilih sesebuah berita atau isu dan sebagainya. Dengan ini dapat dikatakan bahawa struktur

sintaksis dalam bidang ini dikaji dari permulaan berita. Bahagian kedua pula merupakan struktur skrip iaitu untuk melihat bagaimana strategi bercerita atau bertutur yang digunakan oleh wartawan dalam mengemaskan peristiwa mengikut urutan.

Bahagian seterusnya ialah struktur tematik, iaitu berhubungan dengan cara wartawan mengungkapkan pandangan atas peristiwa ke dalam proposisi, ayat, atau hubungan antara ayat yang membentuk teks berita secara keseluruhan. Struktur tematik membantu melihat bagaimana pemahaman itu diwujudkan ke dalam bentuk yang lebih kecil. Bahagian yang terakhirnya ialah struktur retorik, iaitu yang berhubungan dengan cara wartawan menekankan erti tertentu daripada sesuatu berita atau peristiwa. Ini bermakna struktur retorik dapat melihat dari segi pemilihan kata atau leksikal, grafik, idiom, gambar, yang juga digunakan untuk memberi penekanan pada erti tertentu (Sobur, A. 2012, p.g 175-176).

Kajian ini amat bergantung kepada kerangka teori pbingkaian analisis (*Framing Analysis Theory*) sebagai kerangka teori. Menurut penyelidik Zhou (2008), dua sarjana yang telah memperkenalkan dan menyumbang terhadap bidang kajian media yang terawal ialah sarjana Tuchman (1978) dan Gitlin (1980). Tuchman dan Gitlin telah menggunakan kajian *framing* sebagai salah satu alat untuk memahami berita sebagai pembinaan sosial dan sumber sosial. Teori ini digunakan untuk mengetahui bagaimana perspektif yang digunakan oleh seseorang wartawan atau penterjemah semasa memilih isu dan menulis/ menterjemah tajuk berita.

Daripada pengamatan kajian yang dilakukan oleh Weaver (2007), arah penyelidik-penyelidik komunikasi masa ini, lebih berfokus pada pemilihan teori pbingkaian sebagai kerangka teoritik kajian. Hal ini kerana, kajian pbingkaian dapat memberikan suatu skema pemberitaan yang lebih jelas dan menyeluruh.

“Framing is to select some aspects of a perceived reality and make them more salient in a communicating text, in such a way as to promote a particular problem definition, causal interpretation, moral evaluation, and/or treatment recommendation for the item described”. (Entman, 1993, p.g 52).

Menurut (Entman, 1993, p.g 52), pemingkaian adalah untuk memilih beberapa aspek realiti yang dilihat dan menjadikannya lebih penting dalam teks komunikasi, dengan cara-cara tertentu untuk menonjolkan definisi bagi sesuatu masalah, tafsiran sebab dan akibat bagi sesuatu peristiwa, penilaian moral dan cadangan yang bernas untuk item yang diuraikan dalam sesuatu kejadian/ masalah. Pemingkaian tajuk berita digambarkan sebagai pengganti kepada penentuan agenda yang dilihat tidak mampu memberitahu apa yang perlu difikirkan melalui suatu skema pemberitaan yang lebih sistematik dan mendalam terutamanya apabila menyentuh tentang proses pemilihan dan penonjolan dalam penerbitan sesebuah tajuk berita.

2.3.1 Konsep Model Pan dan Kosicki (1993)

Analisis pemingkaian membantu dan membangunkan sebuah komunikasi bahasa dan visual dengan menginterpretasikan maklumat yang baru. Melalui analisis pemingkaian, seseorang dapat mengetahui bagaimanakah sesuatu mesej atau maklumat yang dapat diertikan sehingga dapat ditafsirkan secara berkesan menurut pandangan dan pendapat penulis atau wartawan. Selain itu, pemingkaian ditakrifkan sebagai satu proses membuat suatu mesej lebih menonjol bagi orang ramai menumpukan perhatian kepada mesej tersebut. Tambahan pula, Pan & Kosicki (1993), menghujahkan dua konsep pemingkaian yang saling berhubung antara satu sama lain. Antara dua konsepnya ialah konsep psikologi dan konsep sosiologi.

Dari segi psikologi, pemingkaian dapat dilihat sebagai satu cara penempatan maklumat atau mesej dalam suatu konteks khusus dengan meletakkan elemen tertentu

hanya untuk membuat ia lebih menonjol dalam kognisi seseorang. Elemen-elemen yang dipilih itu menjadi penting dalam mempengaruhi pertimbangan seseorang apabila membuat keputusan tentang realiti. Manakala, dalam konsep sosiologi pula pemingkaian difahamkan sebagai satu proses bagaimana seseorang mengklasifikasikan, menyusun dan mentafsirkan pengalaman sosialnya untuk memahami diri dan realitinya.


Model Pan & Konsicki (1993) boleh dibahagikan kepada empat struktur besar iaitu:

Jadual 1 Struktur –Struktur Pemingkaian

Struktur	Struktur-struktur pemingkaian	Unit yang diperhatikan /digunakan
SINTAKSIS Cara wartawan menyusun kata-kata atau leksikal menjadi ayat	Skema berita	Tajuk utama berita (Headline), Teras berita (lead), kutipan, sumber, latar maklumat, kenyataan, penutup.
SKRIP Cara wartawan mengisahkan sesuatu fakta	Kelengkapan berita/ isu	5W+1H 1. Apa (What) 2. Bila (When) 3. Siapa (Who) 4. Di mana (Where) 5. Mengapa (Why) 6. Bagaimana (How)
TEMATIK Cara bagaimana wartawan menulis fakta	1. Butiran 2. Maksud ayat, hubungan 3. kohensi 4. Bentuk ayat 5. Kata ganti	Perenggan, proposisi
RETORIK Cara bagaimana wartawan menegaskan fakta	1. Leksikon / pilihan leksikal (Peringkat ini merupakan penekanan terhadap sesuatu yang penting. 2. Grafik 3. Metafora 4. Pengandaian	Perkataan, peribahasa, gambar / imej, grafik

Secara keseluruhannya, tidak dapat dinafikan bahawa seseorang wartawan atau penterjemah tidak dapat membingkaikan semua bahagian berita. Ini bermaksud hanya sebahagian daripada kejadian atau sesuatu peristiwa penting dalam sesuatu berita dapat menjadikan objek pemingkaian berita.

Gambarajah 2.1 adalah satu gambarajah yang menjelaskan proses penyelidikan pemingkaian (Pan & Konsicki, 1993, p.g 58-63).



Rajah 2.1: Model proses penyelidikan pemingkaian (Pan & Konsicki, 1993,p.g 58-63)

2.3.2 Konsep Pemingkaian Iyengar (1991 & 2009)

Iyengar (1991), telah menjalankan satu kajian mengenai kesan bingkai episodik dan tematik dalam berita televisyen. Daripada pengamatan beliau, bingkai episodik dalam berita politik membantu mengalihkan perhatian orang ramai untuk bertanggungjawab sosial. Hal ini dapat dilihat apabila rakyat lebih berminat dan

memberi sokongan untuk program-program kerajaan yang direka untuk menangani masalah rakyat.

Iyengar (1991), mengatakan bahawa bingkai episodik lebih memberi keutamaan kepada individu dan satu insiden yang spesifik atau sesuatu peristiwa tunggal. Bingkai tematik pula amat berbeza jika dibandingkan dengan bingkai episodik. Bingkai tematik memberi perhatian kepada sesuatu masalah ataupun sesuatu isu dalam sesuatu konteks yang lebih besar seperti konteks nasional. Selain itu, bingkai episodik lebih cenderung untuk memfokuskan kepada isu peribadi seperti psikologi individu, tingkah laku individu dalam keluarga dan sebagainya. Bingkai tematik bersifat umum dan merujuk kepada isu yang memberi kesan pada orang ramai iaitu melibatkan alam sekitar, institusi awam. Bingkai episodik mempengaruhi bagaimana untuk memahami atau menilai seseorang individu atau beberapa individu yang terlibat dalam sesuatu masalah, manakala bingkai tematik menonjolkan bagaimana untuk mengenalpasti faktor-faktor yang membawa kepada sesuatu masalah seperti masalah isu sosial, politik atau ekonomi.

2.3.3 Konsep Pembangkaan Semetko dan Valkenburg (2000)

Semetko dan Valkenburg (2000) telah memperkenalkan bingkai generik iaitu bingkai moral, bingkai konflik, bingkai tanggungjawab, bingkai minat manusia, bingkai kesan dan akibat dan sebagainya. Kesemua ciri-ciri bingkai yang dibincang oleh Semetko dan Valkenburg dapat dijelaskan seperti di bawah:

- i. **Bingkai Konflik** - Konflik ini cuba menekankan konflik yang berlaku antara individu, kumpulan, parti atau institusi sebagai satu cara untuk menarik minat penonton/pembaca; mencerminkan perbezaan pendapat antara individu,

kumpulan, parti atau institusi; label yang baik dan buruk; berita yang merujuk kepada kedua-dua pihak dan bukannya lebih daripada kedua-dua belah isu atau masalah; bahan berita merujuk kepada pemenang dan orang atau pihak yang kalah; pertikaian ke atas kesesuaian atau kesahihan tindakan; membina permusuhan antara menentang pendapat atau pendirian. Bingkai konflik, lazimnya berlaku dalam liputan berita Amerika Syarikat. Pihak media selalu menekankan konflik antara individu atau kumpulan untuk menarik minat penonton. Sebagai contoh, Gabenor Mississippi (yang mewakili Presiden Bush) dan Gabenor Louisiana dibingkai dalam konflik yang berkaitan dengan siapa mempunyai kuasa terhadap National Guard (Pengawal Kebangsaan) Louisiana. Surat khabar, *The Advocate* membingkai konflik dengan tajuk berita yang mengatakan Barbour disambut dengan dakapan tetapi Gabenor Blanco hanya mendapat sahutan "hello": "Mississippi Governor Haley Barbour got a hug. Governor Kathleen Blanco was lucky to get a hello (Millhollon & Ballard, 2005, p.g 1-A)."

- ii. **Bingkai Akibat/kesan** - laporan peristiwa, isu atau masalah dari segi akibat ia ada pada seseorang individu, kumpulan, parti, institusi atau negara; melaporkan kerosakan atau kerugian; melaporkan langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan masalah; laporan amaran yang diberikan oleh kerajaan atau polis; tindakan yang akan diambil terhadap individu; melaporkan penahanan individu; melaporkan langkah-langkah yang diambil oleh pihak polis; melaporkan hasil keputusan mahkamah.
- iii. **Bingkai Kesan ekonomi** – Adakah terdapat kerugian atau keuntungan kewangan sekarang atau pada masa akan datang?; Adakah terdapat sebilangan kos perbelanjaan yang terlibat?; Adakah terdapat sebutan mengenai kesan ekonomi atau tidak mengejar sesuatu tindakan? ; Adakah kisah ini mengandungi

maklumat visual yang boleh menjejaskan perasaan marah, bersikap empati, simpati atau belas kasihan?. Kesan ekonomi selalunya berlaku ketika sebuah berita melaporkan mengenai masalah akibat dari segi kesan ekonominya kepada individu, kumpulan, institusi, wilayah, atau negara (Semetko & Valkenburg, 2000, p.g 87-89). Contohnya, Taufan Katrina menghancurkan sebahagian daripada Louisiana yang memusnahkan banyak harta benda dan infrastruktur. Aktiviti pelancongan, perjudian, perkapalan, penapisan minyak dan penghasilan makanan laut amat penting untuk kesejahteraan ekonomi negara dibantut oleh Taufan Katrina.

- iv. **Bingkai Tanggungjawab** - membentangkan sesuatu peristiwa, isu atau masalah dengan mengaitkannya kepada tanggungjawab untuk mengemukakan penyelesaian kepada sama ada kerajaan atau kepada individu, kumpulan, parti atau institusi dan sebagainya; bingkai ini mencadangkan isu atau masalah memerlukan tindakan segera. Bingkai tanggungjawab membentangkan isu atau masalah dan menimbulkan tanggungjawab sebab atau penyelesaian kepada kerajaan atau kumpulan individu (Semetko & Valkenburg, 2000, p.g 87-89). Contohnya, media menyalahkan Presiden Bush, FEMA dan Gabenor Blanco kerana tindakan lambat dan tidak efektif. Media cetakan melaporkan banyak petikan tentang penyelamat yang tiba lambat. Bantuan yang datang dengan lambat adalah petikan yang diambil dari *The Advocate and Associated Press*: “What took you so long?” and “We’re hurting out here, man. We got to get help” (Tanner, 2005, p.g NA) iaitu “Apa yang menghalang anda dari mengambil tindakan segera?” dan “Kami merana di sini. Kami memerlukan bantuan”. Amerika Syarikat membentuk idea rakyat yang perlu bertanggungjawab untuk menyebabkan atau menyelesaikan masalah (Iyengar, 1987, p.g 815-831).

- v. **Bingkai Moral** - yang meletakkan peristiwa, isu atau masalah dalam konteks ajaran agama atau preskripsi akhlak; memberi penekanan kepada kerjasama dan persekutuan. Bingkai moral meletakkan isu atau masalah "dalam konteks ajaran agama atau preskripsi moral" (Semetko & Valkenburg, 2000, p.g. 87-89). Dalam kes-kes seperti bencana alam yang membawa kesengsaraan dan kehilangan harapan, mangsa sering menuju pada Tuhan dan keimanan untuk mendapatkan jawapan bagi takdir mereka. Selepas Hurricane Katrina, Presiden Bush berusaha menaikkan semangat dengan keyakinan berasaskan iman, mengatakan, "*In the life of our nation, we have seen that wondrous things are possible when we act with God's grace*" (Maggi, 2005, p.g. A03) iaitu "Dalam kehidupan negara kita, kita telah melihat bahawa perkara-perkara yang mengagumkan adalah mungkin kerana kita bertindak dengan rahmat Tuhan".
- vi. **Bingkai Kepentingan Manusia** - menggambarkan wajah emosi sesuatu kejadian; usaha untuk memperibadikan berita, melakonkan atau mensensasikan berita untuk memikat dan mengekalkan minat penonton; menggunakan kata sifat atau 'vignettes' peribadi yang menjana perasaan kemarahan, empati, simpati atau belas kasihan terhadap individu atau kumpulan yang terlibat dalam kejadian, isu atau masalah. Bingkai minat manusia menyampaikan wajah manusia atau sudut emosi kepada isu atau masalah. Ini berita peribadi dalam usaha untuk mengekalkan minat penonton (Semetko & Valkenburg, 2000, p.g. 87-89). Selepas taufan, media cetak menerbitkan peribadi dan emosi yang lebih banyak daripada orang yang terjejas akibat taufan. Sebagai contohnya, salah satu petikan yang diterbitkan dalam 'The New York Times' menonjolkan emosi peribadi dalam perspektif orang pertama, terutamanya dalam meluahkan emosi tentang pemulihan daripada taufan: "I keep telling myself it's going to be all right. But I just want to know, where's my baby?" iaitu " Saya menyakinkan diri

saya dengan memberitahu diri saya bahawa keadaan ini akan pulih. Tetapi, saya hanya ingin tahu, di manakah bayi saya? " (Saulny, 2005, p.g.1).

Teori asas pemingkaian menumpukan perhatian kepada peristiwa-peristiwa tertentu yang diberikan pengertian melalui bidang semantik. Dalam kajian ini penyelidik memberi tumpuan pada bingkai tajuk berita yang dihasilkan oleh beberapa akhbar Melayu dan terjemahan tajuk-tajuk bahasa Melayu ke dalam bahasa Tamil oleh sebuah akhbar Tamil yang tertentu. Kerangka teori pemingkaian yang akan diaplikasikan untuk kajian ini adalah gabungan konsep pemingkaian Iyengar (Iyengar, 1991 & 2009, p.g 60-65) dan konsep pemingkaian Semetko dan Valkenburg (2000). Ini akan membantu dalam menjawab persoalan kajian satu.

2.3.4 Teori Crystal (1969) dan Lamb (1985)

Crystal (1969), menyatakan bahawa tajuk berita perlu mempunyai ciri yang jelas (*clear*), ringkas (*succinct*) dan sesuatu unsur yang unik dalam mesej yang dapat menarik perhatian pembaca (*intriguing message, to kindle a spark of interest*).

"...the function of headlining is complex: headlines have to contain a clear, succinct and if possible intriguing message, to kindle a spark of interest in the potential reader, who, on average, is a person whose eye moves swiftly down a page and stops when something catches his attention..." (Crystal, 1969, p.g 174)

Lamb (1985), dalam bukunya yang bertajuk '*The Complete Newspaper Resource Book*', menegaskan bahawa tajuk berita mesti meringkaskan intipati berita penuh. Beliau berkata tajuk berita mesti satu ayat yang bernas (*kernel sentence*) yang mengandungi subjek dan kata perbuatan, tanpa kata pembantu, ganti nama, kata penentu dan kata penyambung. Lamb (1969), seperti juga Crystal (1985), menekan aspek kejelasan (*clarity*) dan ketepatan selaras dengan isi kandungan berita penuh (*accurate*

reflection of the story underneath) dalam tajuk berita. Beliau mengatakan ada tajuk berita yang kadangkala mengelirukan (*confusing*), tidak sesuai (*inappropriate*) dan memberi kesan yang melucukan kerana tajuk berita diungkapkan dalam bentuk yang agak memalukan (*humorously embarrassing*) – dalam lain perkataan, Lamb mengatakan tajuk-tajuk berita seperti ini perlu dielakkan.

“A newspaper headline is not a title such as “Red Sox Game” or “Star Wars”, but a summary of the story that follows. Quite often it is a condensation of the lead paragraph. Properly, a headline is a kernel sentence, containing a subject and a verb, without auxiliaries, pronouns, articles or conjunctions. (p.35) “Clarity and accurate reflection of the story underneath are even more important than strict adherence to rules. Confusing, inappropriate, and sometimes humorously embarrassing headlines do occur” (Lamb, 1985, p.g 35-36)

Gabungan hujah-hujah Lamb dan Crystal (1969), telah digunakan dalam penyelidikan ini untuk menjawab persoalan kajian kedua yang berfokus pada penilaian empat unsur penting dalam tajuk berita jenayah bahasa Melayu dan terjemahannya ke dalam bahasa Tamil iaitu ketepatan, kejelasan, kepadatan atau keringkasan dan daya tarikan dimana dua unsur yang pertama adalah yang paling penting mengikut Crystal (1969).

2.4 Tinjauan Kajian Analisis Penterjemahan Tajuk Berita

Terjemahan ialah satu cara yang membantu orang ramai untuk berkomunikasi di peringkat antarabangsa dan masih mengekalkan identiti budaya dan bahasa (Petroniene & Zvirblyte, 2012, p.g 66). Apa yang perlu ditimbangkan semasa membuat penterjemahan tajuk utama berita bahasa Melayu kepada bahasa Tamil ialah perbezaan yang wujud antara kedua-dua sistem bahasa dan budaya.

Hendar (2008), telah membuat satu kajian yang berkaitan tentang kesukaran yang dihadapi oleh pelajar Inggeris apabila menterjemahkan tajuk berita bahasa

Inggeris. Kajian rintis ini dijalankan untuk mengetahui tentang masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar Inggeris dalam memahami dan menterjemahkan tajuk berita bahasa Inggeris yang terdapat dalam akhbar Jakarta. Selain itu, dalam kajian ini juga telah menganalisis beberapa ciri-ciri linguistik yang terdapat dalam tajuk berita akhbar Jakarta.

“... headlines in the English language newspaper are often written in a special style, which is very different from ordinary English. In this style there are some special rules of grammar, and words are often used in unusual ways”(Hendar, 2008, p.g 89)

Daripada pengamatan beliau, tajuk utama akhbar bahasa Inggeris di Jakarta lazimnya ditulis dalam gaya bahasa tersendiri, di mana ia sangat berbeza dengan bahasa seharian. Takehiko & Ichiko Sata (1999), juga mempunyai pendapat yang sama dengan Hendar.

“Since the headlines of English news articles have a characteristic style, different from the styles which prevail in ordinary sentences...”
(Takehiko & Ichiko Sata, 1999, p.g .167)

Gaya bahasa tajuk berita mempunyai beberapa peraturan khas tentang penggunaan tatabahasa dan pilihan leksikal. Ini menyebabkan pelajar bahasa Inggeris menghadapi masalah memahami dan menterjemah tajuk berita bahasa Inggeris ke dalam bahasa Indonesia.

Menurut Bell (1991), analisis linguistik tidak terlepas mengenal pasti kebiasaan yang membantu mewujudkan tajuk 'sesuai' seperti yang diterangkan oleh taksonomi (Dor, 2003, p.g.703-716). Antara ciri-ciri yang perlu ada dalam tajuk berita adalah seperti berikut:

- i. Pendek
- ii. Jelas, mudah difahami, dan tidak samar
- iii. menjadi menarik kepada pembaca
- iv. mengandungi maklumat baru
- v. tidak mengandaikan maklumat tidak diketahui oleh pembaca
- vi. termasuk nama-nama dan konsep dengan 'nilai berita' yang tinggi untuk pembaca
- vii. tidak mengandungi nama dan konsep dengan rendah 'nilai berita' untuk pembaca
- viii. 'menyambung' cerita kepada fakta-fakta dan peristiwa-peristiwa sebelum peristiwa tersebut
- ix. 'menyambung cerita' untuk jangkaan dan andaian sebelum
- x. Pembingkai / 'frame' berita yang sesuai

(Dor, 2003, ms.708-716)

Sementara itu, Eva Prakova (2009), juga mengatakan dalam kajian beliau yang berjudul '*Grammar in Newspaper Headlines*' bahawa kadang-kala ada setengah tajuk yang boleh menarik perhatian kita, tetapi pada akhirnya kita mungkin mencari cerita/berita yang tidak berkaitan. Hal ini kerana ia sudah menjadi kebiasaan, dan ia menyebabkan pembaca membaca lebih daripada satu tajuk yang tidak sesuai. Selain daripada itu, tajuk yang tidak sesuai juga mengelirukan pembaca. Seterusnya, tajuk berita di halaman muka surat hadapan memainkan peranan penting untuk penjualan akhbar tersebut. Oleh sebab itu, sesuatu tajuk harus bersifat eksplisit, pandai dan menarik perhatian dan lebih-lebih lagi mesti betul dan benar. Asmah (1995), menghujahkan bahawa fungsi tajuk berita sering berkaitan dengan fungsi pengiklanan dan ia berita seharusnya bersifat menjual dan mengaut keuntungan.

Suima P. (2014) menjalankan suatu kajian yang berjudul '*Translation Of The Newspapers' Headlines*' dan tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti peranan tajuk-tajuk utama dalam wacana media massa moden ini. Selain daripada itu, beliau turut memberikan ciri-ciri keunikan terjemahan tajuk Inggeris ke dalam bahasa Ukraine dan pada masa yang sama turut menganalisis kandungan morfologi dan cara gaya penciptaan tajuk-tajuk utama berita. Daripada pengamatan kajian ini, beliau

merumuskan bahawa beberapa keunikan terdapat apabila membuat penterjemahn tajuk Inggeris ke dalam bahasa Ukraine; 1) Terjemahan bahan daripada akhbar mempunyai ciri-ciri keselarian separa struktur leksikal dan kebanyakan kata-kata dari bahasa sumber adalah mungkin untuk mencari yang setara dengannya dalam bahasa sasaran; 2) terjemahan yang paling setara boleh diberi untuk artikel dengan istilah politik, bersamaan dengan artikel dalam gaya bahasa percakapan dengan slanga; 3) untuk menterjemahkan tajuk dengan cara yang betul.

Xuedong Shi (2014) telah menjalankan suatu kajian yang bertajuk 'English-Chinese News Headlines Translation from a Skopostheorie Perspective'. Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan rangka kerja teori Skopostheorie yang bermakna penterjemahan menghasilkan satu lagi cara di mana pembaca sasaran atau penonton dalam bahasa sasaran di bawah persekitaran sasaran budaya. Rangka kajian Skopostheorie menyediakan asas teori dan petunjuk bagi beberapa strategi menterjemah yang melanggar teori menterjemah tradisional. Tetapi, kaedah ini telah berjaya membimbing aktiviti menterjemah praktikal, terutamanya dalam berita utama terjemahan.

2.5 Tinjauan Kajian Pembingkai dalam Berita

Yang (2012), telah membuat satu kajian yang bertajuk 'Pembingkai Interethnic Conflicts: A Comparative Analysis of Malaysian Newspapers'. Dalam kajian tersebut, beliau menggunakan pembingkai (*framing*) sebagai kerangka teori dan analisis kandungan (*content analysis*) sebagai metodologi kajian. Kerangka masa untuk kajian ini adalah dari Julai 2005 hingga Februari 2010. Bagi penyelidikan ini, penyelidik telah memilih surat khabar - surat khabar seperti *Utusan Malaysia*, *Bahasa Kebangsaan*, *The Star*, *Sin Chew Daily*, *Malaysiakini* dan sebagainya. Selain daripada

kaedah analisis kandungan, yang telah menggunakan kaedah temubual dengan para editor akhbar-akhbar tersebut.

Nurul & Faridah (2012), telah menjalankan satu kajian tentang pembingkai berita etnik dalam akhbar-akhbar aliran perdana di Malaysia iaitu *The Star*, *Berita Harian*, *Utusan Malaysia*, dan *New Straits Times*. Tujuan penyelidikan adalah untuk mengenal pasti perbezaan atau persamaan bingkai berita etnik yang disiarkan dalam akhbar-akhbar tersebut. Dalam kajian ini, Nurul & Faridah (2012) telah menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif dan kuantitatif. Beliau membuat sedemikian melalui perbincangan kumpulan fokus. Sebanyak 194 berita etnik yang telah disiarkan dalam keempat-empat akhbar dikaji selama sebulan dan menjadi data kajian ini. Daripada pengamatan Nurul & Faridah (2012), antara lima bingkai generik yang diperkenalkan oleh (Semetko & Valkenburg, 2000, p.g 93-109) bingkai tanggungjawab merupakan bingkai yang paling banyak digunakan dalam akhbar-akhbar tersebut. Hal ini kerana, isu etnik merupakan isu yang sangat penting dan memerlukan keprihatinan yang tinggi daripada semua pihak.

2.5.1 Pembingkai Tentang Bioteknologi

Mus, Latifah, Jamilah & Nurul (2010), telah membuat satu analisis kandungan terhadap empat akhbar arus perdana, iaitu *Berita Harian*, *Utusan Malaysia*, *New Straits Times*, dan *The Star* dalam memaparkan isu bioteknologi. Kajian ini dilakukan untuk mengkaji liputan isu bioteknologi dalam surat khabar terbitan dari tahun 2001 hingga 2010. Selain daripada itu, Mereka menyatakan bahawa Malaysia telah mengenal pasti bioteknologi sebagai salah satu daripada lima teknologi teras yang akan mempercepatkan proses transformasi Malaysia menjadi negara maju. Oleh yang demikian, objektif kajian ini adalah melihat sama ada media memaparkan berita yang mencukupi tentang isu bioteknologi di negara Malaysia atau sebaliknya. Tambahan

pula, mereka memilih dua akhbar bahasa Melayu dan dua akhbar Inggeris membolehkan perbandingan liputan isu bioteknologi dilakukan. Hasil kajian ini didapati bahawa isu bioteknologi tidak mendapat liputan sewajarnya dalam akhbar walaupun kerajaan menjadikan teknologi ini sebagai pemangkin dalam pembangunan negara.

2.5.2 Pembingkaiian Tentang Isu Pendidikan

Kho, Chew, Tan & Chang (2011) telah membuat suatu kajian yang berkaitan tentang pembingkaiian isu pendidikan di Malaysia oleh sumber berita dan akhbar cina. Kajian ini dilakukan untuk melihat refleksi kepada laporan empat akhbar Cina pada ketika itu. Pada masa yang sama juga kajian ini membantu memahami pembingkaiian yang digunakan oleh akhbar-akhbar tersebut. Kedua-dua media dan juga sumber berita juga memainkan peranan dalam pembingkaiian isu pendidikan. Berpaksikan lima bingkai generik Semetko & Valkenburg (2000) iaitu bingkai konflik, bingkai moral, bingkai tanggungjawab, bingkai akibat ekonomi dan bingkai kemanusiaan, penyelidikan tersebut dilakukan untuk analisis kandungan kuantitatif terhadap empat akhbar utama tempatan Cina di Malaysia.

2.5.3 Pembingkaiian Berita Krisis Tebusan di Manila

Metila (2013) telah membuat satu kajian yang berkaitan tentang analisis wacana tajuk berita: pembingkaiian yang terdapat dalam krisis tebusan yang berlaku di Manila, Filipina pada bulan Ogos 2010. Krisis tebusan yang berlaku di Manila menyebabkan kematian seramai 8 orang pelancong asing. Disebabkan dalam semua tajuk utama akhbar telah war-warkan tentang krisis ini, penyelidikan Metila (2013) telah membuat satu kajian analisis wacana terutamanya dari segi penggunaan pembingkaiian dan juga subjek dalam krisis tersebut.

Beliau telah memilih tiga 'broadsheet' Filipina yang telah menerbitkan tajuk utama mengenai krisis tebusan ini dan menilai untuk ketepatan maklumat, perspektif tentang krisis itu, dan juga jenis pembingkai yang telah digunakan dalam tajuk-tajuk akhbar. Berhubungan dengan itu, beliau telah menggunakan tiga tahap sosiologi analisis wacana iaitu textual, konteks dan interpretasi. Klasifikasi teori pembingkai yang telah diperkenalkan oleh Iyengar (1991) dan Pan & Kosicki (1993) telah digunakan untuk menjalankan kajian ini. Daripada pengamatan beliau, angka dan perkataan dipilih sebagai pembingkai untuk membesar-besarkan kesan dan krisis tebusan tersebut. Manakala, rujukan bagi tempat atau lokasi kejadian/ peristiwanya tidak memilih dengan tepat.

Melalui penyelidikan ini, beliau berpendapat bahawa objektif kajian yang menggunakan pembingkai boleh dicapai melalui penggunaan data yang tepat, pilihan perkataan atau leksikal yang betul. Secara kesimpulannya, pembingkai ialah satu kajian bidang yang sangat penting dan harus menjadikan salah satu panduan usaha untuk membongkarkan kebenaran dalam harapan sosial transformasi.

2.5.4 Pembingkai Berita Keselamatan Awam

Chang & Julia (2013) telah menjalankan sebuah kajian mengenai penentuan bingkai berita keselamatan awam dari penelitian respons kognisi dan ekspresi pembaca. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesan pembingkai kepada perubahan kognisi dan ekspresi pembaca. Di samping itu, kajian ini juga mempunyai dua objektif utama bagi menjalankan kajian. Objektif pertamanya adalah untuk melihat kesan penentuan pembingkai bingkai berita keselamatan awam yang berbentuk positif, negatif dan neutral terhadap perubahan kognisi pembaca. Objektif keduanya adalah untuk melihat kesan penentuan pembingkai bingkai berita keselamatan awam yang berbentuk positif, negatif dan neutral terhadap perubahan ekspresi pembaca. Bagi

menjalankan kajian ini, penyelidik telah menggunakan kaedah kajian yang berbentuk kuasi eksperimen. Seterusnya, analisis kajian ini dijalankan dalam bentuk kuantitatif iaitu dengan menggunakan ujian analisis variat dan multivariat.

2.5.5 Pembingkaian Tentang Isu Agama

Penyelidik-penyelidik tempatan seperti Halimahton, Hua dan Raman (2006), Dafrizal, Fauziah dan Faridah (2011), Yong dan Md Sidin (2010), Yang dan Md Sidin (2011) dan Yang dan Md Sidin (2012) telah membuat beberapa kajian mengenai liputan media yang berkaitan dengan isu kontroversi agama dan bangsa yang berlaku di negara Malaysia. Selain daripada itu, Muhammad Raqid Mohd sofian & Adnan Hussein (2014), telah menjalankan suatu kajian yang membandingkan bagaimana dua akhbar arus perdana berlainan bahasa di Malaysia iaitu *Utusan Malaysia* dan *The Star* melaporkan isu konflik agama yang mencetuskan kontroversi berkaitan akidah dan kepercayaan umat Islam. Tindakan diambil oleh bahagian penguatkuasa Jabatan Agama Selangor (JAIS) yang menjalankan operasi pada majlis kesyukuran (*thanksgiving*) itu dianggap sebagai satu kes yang kontroversi untuk dikaji dan membuat perbandingan bagaimana media utama tempatan dan berlainan bahasa menonjolkan dalam sesuatu peristiwa.

2.6 Kesimpulan

Daripada tinjauan yang dijalankan oleh penyelidik, analisis pembingkaian mengenai isu jenayah masih kurang dilakukan atau dengan yakinnya dapat diperkatakan bahawa langsung tiada penyelidikan dibuat dalam pembingkaian tajuk berita jenayah. Oleh yang demikian, penyelidik mengambil keputusan untuk membuat penyelidikan ini bagi mengetahui bagaimana tajuk berita jenayah dibingkai khasnya dalam bahasa Melayu berbanding dengan bahasa Tamil di negara Malaysia.

BAB 3

METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1 Pendahuluan

Bab ini menerangkan reka bentuk penyelidikan yang melibatkan proses pengumpulan data serta prosedur-prosedur yang digunakan untuk mengklasifikasikan data dan menganalisa data bagi menjawab soalan kajian.


3.2 Reka Bentuk Kajian

Penyelidikan ini menggunakan kaedah analisis kandungan teks sebagai kaedah utama kajian untuk mengumpul data. Kaedah kajian perpustakaan pula dijadikan sebagai kaedah sokongan untuk mencari serta mengumpul maklumat yang relevan untuk menganalisa data dan membincangkan hasil dapatan kajian.

Metod pengumpulan data utama kajian ini ialah melalui analisis dua set teks iaitu teks sumber (tajuk berita bahasa Melayu) yang akan dibandingkan dengan analisis teks sasaran (tajuk berita bahasa Tamil yang diterjemahkan dari bahasa Melayu). Data sekunder yang berhubung kait dengan teori dan kajian lepas pemingkaian tajuk berita dan terjemahan tajuk berita dirujuk daripada sumber-sumber berikut:

- i. Jurnal-jurnal akademik, prosiding, kertas kerja seminar, artikel dan petikan akhbar, majalah dan sebagainya.
- ii. Tesis Doktor Falsafah (PhD), Disertasi Sarjana dan Latihan Ilmiah
- iii. Buku-buku dan kamus dwibahasa
- iv. Data dan maklumat tambahan daripada laman sesawang Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Gambarajah di bawah menunjukkan sumber-sumber data, iaitu tajuk berita jenayah yang diambil dari suratkhbar bahasa Melayu dan seterusnya penterjemahan tajuk-tajuk berita tersebut ke dalam bahasa Tamil yang dihasilkan oleh penterjemah-penterjemah yang bekerja untuk syarikat surat khabar *Nam Naadu Media*. Data dikumpul secara rawak untuk tempoh masa sebulan. Sebanyak 44 sampel tajuk berita jenayah telah dikumpul dalam tempoh masa tersebut.



Gambarajah 3.1: Proses Kajian Analisis

3.3 Analisis Kandungan Kualitatif.

Kajian analisis kandungan kualitatif banyak digunakan dalam bidang media dan komunikasi. Analisis kualitatif mementingkan interpretasi makna teks secara mendalam dan subjektif. Terdapat beberapa sarjana penyelidikan kualitatif seperti Berg (2001) dan Mayring & Hsieh dan Shannon (2005) yang menekankan kelebihan analisis kandungan media berdasarkan konteks dan proses. Aspek konteks dilihat melalui isi kandungan utama yang tersirat (latent content) manakala aspek proses melibatkan proses interpretasi teks yang dijalankan secara teliti dan berulang-ulang kali. Maka, kajian ini yang menganalisis bahan media cetak iaitu tajuk berita jenayah dalam bahasa Melayu dan terjemahannya ke dalam bahasa Tamil akan menggunakan kajian kualitatif.

Kajian ini akan mengikut enam langkah penting yang terkandung dalam proses pengumpulan dan penganalisan kandungan secara kualitatif yang dicadangkan oleh Zhang dan Wildermuth (2009).

Jadual 2 – 6 Langkah Zhang & Wilermuth (2009, p.g 1-12)

Dalam kajian ini telah digunakan enam langkah oleh Zhang & Wildermuth (2009)	
i. Persediaan data	Pemilihan berita jenayah secara rawak untuk tempoh masa sebulan
ii. Mentakrifkan unit analisis	Berfokus pada tajuk berita jenayah
iii. Membina kategori dan skema pengekodan	Mengenalpasti kerangka teori yang sesuai untuk menjawab 2 soalan kajian
iv. Menguji skema pengekodan melalui teks sampel	Menggumpul sampel kecil bagi mendapatkan gambaran keseluruhan kajian ini
v. Kesimpulan daripada data yang telah dikod	Rumusan kekerapan jenis pembungkahan (m/s 80)
vi. Laporan kaedah dan hasil kajian	Dibincangkan dalam bab 5

3.4 Lokasi Kajian

Surat khabar Tamil di negara Malaysia sering bergantung kepada media bahasa lain misalnya *Free Malaysia Today (FMT)*, *Bernama*, *Malaysiakini*, *The Malaysian Insider* dan juga surat khabar yang lain untuk mendapatkan bahan untuk berita. *Nam Naadu Media Sdn Bhd* yang terletak di Jalan Ipoh Kuala Lumpur dan ditubuhkan pada tahun 2012 merupakan salah satu surat khabar Tamil yang bergantung kepada sumber-sumber berita dari bahasa lain seperti Inggeris, Melayu dan Cina. Surat khabar ini dipilih sebagai tempat kajian kerana syarikat surat khabar ini mempunyai seramai 8 orang penterjemah di mana empat daripada mereka merupakan penterjemah yang mempunyai kefasihan dan juga kefahaman yang mendalam dalam bahasa Melayu dan bahasa Tamil.

3.5 Persampelan Kajian

Berita jenayah menjadi satu bahan ataupun isu tarikan pembaca kerana melibatkan perasaan manusia. Oleh sebab itu, penyelidik memilih berita jenayah sebagai bahan kajian dalam penyelidikan ini. Secara khusus, penyelidik ingin mengkaji gambaran dan ciri-ciri utama pemingkajian tajuk berita jenayah dalam bahasa sumber iaitu bahasa Melayu dengan terjemahannya ke dalam bahasa Tamil yang dihasilkan oleh empat penterjemah dari *Nam Naadu Media*. Kajian ini melibatkan sebanyak 44 berita jenayah yang telah dikumpulkan daripada beberapa surat khabar Melayu. Cara menganalisis data kajian adalah dengan membandingkan tajuk berita jenayah bahasa sumber, iaitu bahasa Melayu dengan tajuk berita jenayah yang diterjemahkan ke dalam bahasa Tamil.

3.6 Proses Penterjemahan Tajuk Berita Jenayah

Syarikat Nam Naadu Media mengamalkan tiga cara untuk memperoleh berita jenayah. Cara pertama ialah melalui wartawan yang bertugas di syarikat itu. Kedua, berita yang diperolehi melalui wartawan-wartawan yang berada di luar negeri. Cara ketiga pula, mendapatkan berita jenayah daripada surat khabar lain misalnya, *Utusan Malaysia*, *Kosmo*, *Harian Metro*, *Berita Harian*, *Sinar* dan sebagainya.

Oleh kerana berita-berita jenayah berkaitan dengan isu keselamatan manusia, masyarakat secara am amat berminat untuk membacanya. Sebelum menulis berita jenayah, seseorang wartawan atau penterjemah perlulah mengenal pasti minat pembaca terhadap berita tersebut. Petugas di bahagian berita jenayah akan mencari berita-berita yang menarik dari segi konteks dan memastikan kes jenayah itu berserta dengan gambar yang jelas. Kemudian, petugas akan membuat pilihan di antara berita-berita itu untuk diterjemahkan. Biasanya, berita yang dipilih mempunyai nilai seperti keganasan, kekerasan, rompakan dan juga kes bunuhan serta kecurian harta benda selain rencana berita yang bersifat berperikemanusiaan. Di samping itu, bilangan berita yang dipilih juga bergantung pada ruang yang diperuntukkan pada sesuatu hari tersebut.

Setelah berita-berita tersebut dipilih, ia akan diedarkan kepada penterjemah yang mahir dalam menterjemahkan sesuatu kes atau berita tersebut. Kerja penterjemahan dilakukan secara menulis atau menaip dalam komputer. Ada kalanya, berita daripada dua atau tiga sumber yang menyentuh isu-isu yang sama tentang sesuatu jenayah digabungkan menjadi satu.

Dalam kajian ini tajuk berita yang siap diterjemahkan dari bahasa Melayu oleh empat penterjemah yang fasih dalam bahasa Melayu dan Tamil akan digunakan.

Penganalisaan data yang teliti akan dibuat mengikut proses kajian yang telah dihuraikan dalam 1.2 dan 1.3.

3.7 Kerangka Teoretikal Kajian ini

Iyengar (1991) memperkenalkan dua jenis pembingkai iaitu bingkai episodik dan bingkai tematik yang menjadi satu asas penting dalam kajian pembingkai. Dalam satu kajian mengenai kesan bingkai episodik dan tematik dalam berita televisyen, beliau mendapati bahawa bingkai episodik dalam berita politik membantu mengalihkan perhatian orang ramai untuk lebih bertanggungjawab sosial. Hal ini dapat dilihat apabila rakyat lebih berminat dan memberi sokongan untuk program-program kerajaan yang direka untuk menangani masalah rakyat. Iyengar (2009), mengatakan bahawa bingkai episodik lebih memberi keutamaan kepada individu dan satu insiden yang spesifik atau sesuatu peristiwa tunggal. Bingkai tematik pula amat berbeza jika dibanding dengan bingkai episodik. Bingkai tematik memberi perhatian kepada sesuatu masalah ataupun sesuatu isu dalam sesuatu konteks yang lebih besar seperti konteks nasional.

Selain daripada Iyengar, Semetko dan Valkenburg (2000), telah memperkenalkan bingkai generik yang merangkumi lima jenis bingkai iaitu bingkai konflik, bingkai tanggungjawab, bingkai minat manusia, bingkai moral dan bingkai kesan ekonomi. Teori asas pembingkai menumpukan perhatian kepada peristiwa-peristiwa tertentu yang diberikan pengertian melalui bidang semantik. Dalam kajian ini penyelidik memberi tumpuan pada bingkai tajuk berita yang dihasilkan oleh beberapa akhbar Melayu dan yang diterjemahkan ke dalam bahasa Tamil oleh empat penterjemah *Nam Naadu Media*. Kerangka teori pembingkai yang akan diaplikasikan untuk kajian ini adalah gabungan konsep pembingkai Iyengar (1991 & 2009) dan konsep pembingkai Semetko dan Valkenburg (2000). Ini akan membantu dalam menjawab soalan kajian satu.

3.8 Teori Crystal (1969) dan Lamb (1985)

Crystal (1969), menyatakan bahawa tajuk berita perlu mempunyai ciri yang jelas (*clear*), ringkas (*succinct*) dan sesuatu unsur yang unik dalam mesej yang dapat menarik perhatian pembaca (*intriguing message, to kindle a spark of interest*).

“the function of headlining is complex: headlines have to contain a clear, succinct and if possible intriguing message, to kindle a spark of interest in the potential reader, who, on average, is a person whose eye moves swiftly down a page and stops when something catches his attention...” (Crystal, 1969, p.g 174)

Lamb (1985) pula menyatakan bahawa tajuk berita seharusnya berupa sebuah ayat yang bernas (*kernel sentence*) yang mengandungi subjek dan kata perbuatan, tanpa kata pembantu, ganti nama, kata penentu dan kata penyambung. Dor (2003), mencatatkan tajuk-tajuk berita "direka untuk mengoptimumkan kesesuaian cerita mereka untuk pembaca mereka." (p.696). Beliau juga berpendapat bahawa tajuk utama memerlukan keseimbangan iaitu mempunyai ciri-ciri seperti pendek dan jelas, dan merupakan ringkasan artikel yang kaya. Lamb (1985), seperti juga Crystal (1969), menekankan aspek kejelasan (*clarity*) dan ketepatan selaras dengan isi kandungan berita penuh (*accurate reflection of the story underneath*) dalam tajuk berita. Beliau mengatakan terdapat tajuk berita yang kadangkala mengelirukan (*confusing*), tidak sesuai (*inappropriate*) dan memberi kesan yang melucukan kerana tajuk berita diungkapkan dalam bentuk yang agak memalukan (*humorously embarrassing*) – dalam erti kata lain, Lamb mengatakan tajuk-tajuk berita seperti ini perlu dielakkan. Gabungan hujah-hujah Lamb (1985) dan Crystal (1969) akan digunakan dalam kajian ini untuk menjawab soalan kajian kedua yang berfokus pada penilaian empat unsur penting dalam tajuk berita jenayah bahasa Melayu dan terjemahannya ke dalam bahasa Tamil iaitu ketepatan, kejelasan, kepadatan dan daya tarikan dimana dua unsur yang pertama adalah yang paling penting mengikut Crystal (1969).

3.9 Kesimpulan

Bab ini telah menghuraikan proses kajian yang akan digunakan untuk penyelidikan ini yang berfokus pada dua soalan kajian iaitu perbandingan pemingkaian tajuk berita jenayah di antara bahasa Melayu dan Tamil serta berkesan formulasi tajuk-tajuk berita berdasarkan kriteria tepat, jelas, padat dan menarik minat. Bab seterusnya akan menganalisa data untuk menjawab dua soalan kajian tersebut.

BAB 4

DATA & DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Kajian ini melibatkan sebanyak 44 berita jenayah yang telah dikumpulkan daripada beberapa surat khabar Melayu di Malaysia terutamanya *Berita Harian*, *Kosmo*, *Harian Metro*, *Utusan Malaysia* dan *Sinar Harian*. Cara menganalisis data kajian adalah dengan membandingkan tajuk berita jenayah bahasa sumber, iaitu bahasa Melayu dengan tajuk berita jenayah yang diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran, iaitu bahasa Tamil.

Bab ini akan mengenalpasti jenis-jenis pemingkaan yang digunakan dalam tajuk berita jenayah bahasa Melayu berbanding dengan terjemahan tajuk-tajuk tersebut ke dalam bahasa Tamil. Menganalisa secara terperinci tentang unsur maklumat yang ditonjolkan dan penggunaan bahasa dari segi pilihan leksikal dan struktur bahasa. Hanya 15 tajuk berita jenayah daripada jumlah besar 44 sampel akan dibincangkan dalam bab ini kerana had jumlah perkataan yang dibenarkan untuk kajian ini. Lampiran A (p.g.80) menyenaraikan analisa data yang lengkap iaitu kesemua 44 sampel.

Untuk setiap sampel tajuk berita jenayah, perbincangan akan dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama akan membincangkan soalan kajian pertama iaitu:

1. Bagaimanakah tajuk berita bahasa Melayu dibingkaikan berbanding dengan terjemahannya ke dalam bahasa Tamil?
 - a. Apakah unsur maklumat yang diutamakan dalam tajuk berita jenayah

bahasa Melayu berbanding dengan terjemahannya ke dalam bahasa Tamil?

- b. Apakah perbezaan dalam penggunaan bahasa tajuk berita jenayah bahasa Melayu berbanding dengan terjemahannya ke dalam bahasa Tamil?

Teori pembingkaian yang dibincangkan oleh Iyengar (Iyengar, 1991 & 2009, p.g 78), serta Semetko dan Valkenburg (2000) akan menjadi kerangka kajian utama dalam menjawab soalan kajian 1. Bahagian kedua pula akan merumuskan jawapan bagi soalan kedua iaitu:

- 2) Sejauh manakah tajuk berita jenayah dalam bahasa Melayu berbanding dengan terjemahannya ke dalam bahasa Tamil memenuhi kriteria tajuk berita yang jelas, tepat, padat dan menarik minat?

Persoalan kedua pula dikaji berpandukan hujah-hujah dua tokoh iatu Crystal (1969) dan Lamb (1985).

4.2 Analisis data

4.2.1 Janda mati dibunuh kekasih - *மனிதர் உணர்ந்துகொள்ள, இது மனித காதலல்ல!*

TARIKH/ SURAT KHABAR	TAJUK TEKS SUMBER (BAHASA MELAYU)	TAJUK TEKS TARGET (BAHASA TAMIL)	TRANSLIT ERASI	GLOS
1/05/2014 KOSMO	Janda mati dibunuh kekasih	மனிதர் உணர்ந்துகொள் ள, இது மனித காதலல்ல!	<i>Manithar uNarnthukoL La, ithu manitha kadhalalle!</i>	Bagi menyedarnya, ini bukan lagi cinta manusia!

Perbincangan Soalan Kajian 1

Tajuk bahasa Melayu ‘Janda mati dibunuh kekasih’ merupakan suatu tajuk utama yang disiarkan di dalam akhbar *Kosmo* pada 1 haribulan Mei 2014. Tajuk berita “Janda mati dibunuh kekasih” bukan merupakan keseluruhan teks laporan berita, tetapi apabila membaca tajuk sahaja para pembaca boleh mengetahui isi kandungan teks berita berkenaan. Tajuk ini merupakan tajuk bingkai episodik kerana tajuk ini jelas, tepat, padat menunjukkan mangsa (janda) yang telah dibunuh oleh suspek (kekasih/teman lelaki). Selain daripada itu, tajuk ini juga merupakan bingkai kepentingan manusia kerana terdapat pilihan kata rujukan seperti ‘Janda’ dan ‘kekasih’ yang mensensasikan tajuk berita untuk menarik minat pembaca.

Tajuk bahasa Tamil – ‘மனிதர் உணர்ந்துகொள்ள, இது மனித காதலல்ல! - *Manithar uNarnthukoLLa, ithu manitha kadhalalle!*’. Tajuk penterjemahan dalam bahasa Tamil pula agak berbeza dan tidak dapat diklasifikasikan sebagai bingkai. Ia jelas bukan bingkai episodik kerana insiden jenayah yang terlibat langsung tidak ternampak dalam tajuk ini. Tajuk bahasa Tamil agak unik dan berbeza berbanding dengan tajuk asal kerana tidak memberi maklumat jelas tentang episod jenayah. Walaupun ia tidak jelas seperti tajuk bahasa Melayu, tetapi menarik minat pembaca kaum India. Hal ini kerana, penterjemah menterjemahkan tajuk tersebut secara umum dan menekan aspek emosi iaitu ‘Cinta’ (*Kadhal*) dalam tajuk utama. Lirik lagu Tamil yang popular telah dipilih untuk tajuk berita dan ia tidak memberi gambaran sebenar tentang kejadian. Tajuk ini dikategorikan sebagai bingkai kepentingan manusia kerana ia membangkitkan empati, simpati atau belas kasihan terhadap individu lelaki tertentu yang dilamun cinta yang begitu kuat sehingga pihak perempuan yang dicintainya menjadi mangsa. ‘*Kadhal*’ bermaksud ‘cinta’ dalam bahasa Melayu. Leksikal ‘*kadhal*’ memberi satu sensasi dan merangsang emosi pembaca dalam berita ini. Dengan ini, lebih sesuai untuk

mengatakan tajuk berita Tamil adalah bingkai kepentingan manusia mengikut kerangka Semetko dan Valkenburg (2000) kerana ia menyentuh kehidupan peribadi seseorang.

Perbincangan Soalan Kajian 2

Tajuk bahasa Melayu telah memenuhi kriteria jelas, padat, tepat dan menarik minat pembaca. '*Janda mati dibunuh kekasih*' memberi maklumat jelas dari segi suspek '*kekasih*' yang terlibat dalam pembunuhan dan mangsa '*Janda*' yang mati akibat ditikam oleh teman lelaki wanita tersebut.

Tajuk bahasa Tamil pula hanya memenuhi satu kriteria iaitu menarik minat dengan menyebut tentang perasaan cinta yang dikatakan tidak senang difahami oleh manusia. Tambahan pula, tajuk ini tidak ada kaitan dengan konteks jenayah tersebut. Hal ini kerana, tajuk yang dipilihnya adalah lagu yang paling popular dalam kalangan orang India yang menceritakan tentang sejenis cinta yang kuat.

4.2.2 Terus dicekup tuan rumah - திருடவந்த போதைபித்தன் கைது!

TARIKH/ SURAT KHABAR	TAJUK TEKS SUMBER (BAHASA MELAYU)	TAJUK TEKS TARGET (BAHASA TAMIL)	TRANSLITER ASI	GLOS
1/05/2014 BERITA HARIAN	Terus dicekup tuan rumah	திருட வந்த போதைபித்தன் கைது!	<i>Thiruda vanthe pothaipitthan kaithu!</i>	Penagih dadah yang datang untuk mencuri ditangkap!

Perbincangan Soalan Kajian 1

Tajuk berita bahasa Melayu - '*Terus dicekup tuan rumah*' merupakan tajuk berita jenayah yang disiarkan dalam surat khabar *Berita Harian*. Tajuk ini juga dapat diklasifikasikan sebagai bingkai episodik kerana ia menerangkan perlakuan '*terus dicekup*' dan mangsa '*tuan rumah*' dalam tajuk berita. Selain itu, tajuk ini juga boleh dikategorikan dalam bingkai akibat kerana melibatkan masalah dari segi akibat seseorang individu yang membawa kerosakan dan tuan rumah telah berjaya mencekup penagih dadah dalam waktu kejadian tersebut. Akibat pada penjenayah jelas diperkatakan disini - dia tidak terlepas dari perbuatan jenayahnya.

Tajuk bahasa Tamil - '*திருட வந்த போதைபித்தன் கைது!*' '*Thiruda vanthe pothaipitthan kaithu!*' merupakan bingkai episodik dan ia menyatakan suspek (*போதைபித்தன்* - *pothaipitthan* - *penagih dadah*) dan perlakuan '*திருட*- *Thiruda* - *mencuri*' dalam tajuk berita ini. Selain itu, tajuk bahasa Tamil juga memberi maklumat jelas, tepat, padat dan menarik minat tentang episod jenayah yang berlaku pada waktu tersebut. Jelas menyatakan siapa yang datang untuk mencuri dalam konteks jenayah ini. Jadi, tajuk ini juga dikategorikan dalam bingkai akibat.

Perbincangan Soalan Kajian 2

Tajuk berita bahasa Melayu tidak memenuhi kriteria jelas. Hal ini kerana, tajuk ini tidak menyatakan siapa yang dicekup oleh tuan rumah dan menjadi ayat gantung tanpa suspek. Walaupun ia tidak memenuhi dari kriteria jelas, tajuk bahasa Melayu masih menarik minat pembaca kerana ia padat. Oleh sebab tidak mempunyai subjek dalam tajuk ini, pembaca akan bertindak memikirkan apakah yang mungkin ditangkap oleh tuan rumah? Untuk mengetahui apa yang ditangkap oleh tuan rumah, pembaca akan bertindak membaca artikel sepenuhnya. Tambahan pula, pemilihan leksikal bingkai ‘terus dicekup’ bertindak sebagai kata kerja pasif dan pemilihan leksikal itu membangkitkan rasa ingin tahu pembaca.

Tajuk bahasa Tamil telah mematuhi semua kriteria seperti jelas, padat, tepat dan menarik minat. Tajuk ‘*திருட வந்த போதைபித்தன் கைது!*’ (*thiruda vanthe pothaipitthan kaithu!*) memberitahu ‘*siapa*’ yang dicekup oleh tuan rumah; tetapi tidak beritahu siapa pula yang menangkap ‘*suspek*’. Penagih dadah dapat dikategorikan sebagai seorang yang tidak waras; kerana sentiasa ingin berada dalam khayalan dadah. Oleh sebab itu, penterjemah membingkaikan penagih dadah ‘*போதைபித்தன்*’ dengan kata kerja ‘*mencuri*’ untuk menarik perhatian pembaca. Dalam tajuk berita penterjemahan telah memberitahu bahawa motif penagih dadah adalah mencuri tetapi gagal memberitahu apa yang dia mencuri.

4.2.3 Meluru masuk hunus parang - பாரங் கத்தி முனையில், இரு திருடர்கள்

கைவரிசை!

TARIKH/ SURAT KHABAR	TAJUK TEKS SUMBER (BAHASA MELAYU)	TAJUK TEKS TARGET (BAHASA TAMIL)	TRANSLITERA SI	GLOS
2/5/2014 KOSMO	Meluru masuk hunus parang	பாரங் கத்தி முனையில், இரு திருடர்கள் கைவரிசை	<i>Parang kaththi munaiyil iru thirudarkaL kaivarisai</i>	Dua pencuri mencuri dengan menggunaka n parang

Perbincangan Soalan Kajian 1

Tajuk berita bahasa Melayu – ‘*Meluru masuk hunus parang*’ merupakan bingkai episodik dan memberi maklumat tentang perlakuan seperti ‘*hunun parang*’ memberi gambaran jelas tentang perlakuan jenayah dalam konteks ini. Bagi setiap kes jenayah, kita tidak akan terlepas daripada mendengar perkataan seperti parang, hunus, meluru dan sebagainya. Walau bagaimanapun, tajuk ini tidak memberitahu subjek, namun dapat membuat andaian bahawa orang yang meluru masuk itu adalah seorang penjenayah. Hal ini kerana, tajuk berita bahasa Melayu jarang memberi kepentingan kepada subjek tajuk. Tajuk berita bahasa Tamil – ‘பாரங் கத்தி முனையில், இரு திருடர்கள் கைவரிசை’ - *Parang kaththi munaiyil iru thirudarkaL kaivarisai*’ adalah bingkai episodik kerana memberi maklumat jelas, tepat, padat, dan menarik minat tentang episod jenayah. Suspek (திருடர்கள்- *thirudarkaL*), perlakuan jenayah (கைவரிசை - *kaivarisai*) dan alat yang digunakan dalam kejadian ini adalah (பாரங் கத்தி - *Parang kaththi*) pemilihan ketiga-tiga perkataan ini adalah amat sesuai untuk konteks ini. Selain itu, peralatan yang digunakan dalam konteksnya ialah (பாரங் கத்தி - *Parang kaththi*). Tajuk berita bahasa Melayu dan tajuk berita bahasa Tamil telah memfokus untuk menonjolkan peralatan

yang telah digunakan dalam kes jenayah ini. Penggunaan parang dalam kedua-dua tajuk menunjukkan persamaan dalam memberi kepentingan tajuk berita.

Perbincangan Soalan Kajian 2

Tajuk berita bahasa Melayu tidak tepat dan tidak jelas dalam kejadian tersebut berbanding dengan tajuk berita Tamil yang menyatakan siapa yang datang untuk mencuri, berapa orang pencuri yang terlibat dalam kes tersebut. Perlakuan dua orang pencuri telah dinyatakan dengan jelas dan tepat dengan memberi alat yang digunakan dalam kejadian tersebut. Walaupun, tajuk berita bahasa Melayu padat tetapi ia menarik minat pembaca berbanding dengan tajuk berita bahasa Tamil. Ini kerana tajuk Tamil telah dilengkapi dengan semua maklumat kes jenayah. Jadi ia mungkin tidak akan menarik minat pembaca untuk membaca kandungan berita yang selanjutnya.

4.2.4 ‘hantu koc’ buat lagi – பாரங் கத்தி முனையில், இரு திருடர்கள் கைவரிசை

TARIKH/ SURAT KHABAR	TAJUK TEKS SUMBER (BAHASA MELAYU)	TAJUK TEKS TARGET (BAHASA TAMIL)	TRANSLITER ASI	GLOS
2/5/2014 HARIAN METRO	‘hantu koc’ buat lagi	ரயிலில் திருடிய குற்றத்திற்காக முன்னாள் கைதி, மீண்டும் கைது	<i>Rayilil thirudiya kuRRaththiRgag e munnaaL kaithi miiNdum kaithu</i>	Bekas banduan ditangkap semula kerana mencuri di dalam kereta api.

Perbincangan Soalan Kajian 1

Tajuk berita bahasa Melayu - ‘hantu koc’ buat lagi’, Menurut Entman (1991), bingkai terletak dalam sifat-sifat tertentu dalam penceritaan sebuah berita yang menggalakkan pembaca surat khabar untuk memikirkan kejadian yang dilaporkan dan seterusnya membina pemahaman tersendiri mengenai kejadian tersebut. Pembingkai ini dapat

dibina dari segi penggunaan metafora, konsep, dan imej-imej visual yang mampu mendatangkan kesan dan pengaruh kepada sesebuah penceritaan. Tajuk bahasa Melayu memberi fokus kepada metafora. ‘hantu koc’ buat lagi’ merupakan salah satu contoh yang bersifat metafora. ‘Hantu koc’ merujuk kepada suspek kerana mencuri dalam kereta api pada waktu malam. Disebabkan pencuri mencuri wang penumpang pada waktu malam, penulis merujuk pada suspek sebagai ‘hantu’. Rujukan kepada ‘Hantu koc’ begitu tepat, padat dalam konteks ini kerana ia meningkatkan penonjolan kejadian kecurian tersebut. Tajuk berita bahasa Tamil dapat diklasifikasikan sebagai bingkai episodik kerana ia lebih berterus-terang atau jelas daripada tajuk berita dalam Bahasa Melayu yang bersifat misteri dan kurang lengkap. Tajuk berita bahasa Melayu berbentuk metafora bila merujuk pada pencuri atas tren sebagai ‘hantu koc’ dan ini membawa sifat misteri dan mungkin juga rasa ngeri berbanding dengan tajuk berita bahasa Tamil yang merujuk secara langsung kepada siapa itu pencuri atas tren iaitu ‘bekas banduan’

Perbincangan Soalan Kajian 2

Tajuk berita bahasa Melayu – tidak memenuhi kriteria jelas tetapi ia menepati kriteria menarik minat pembaca dan padat dari segi pemilihan setiap perkataan untuk tajuk berita bahasa Melayu. Tajuk bahasa Melayu lebih menarik minat kerana menggunakan metafora ‘hantu’ dalam konteks untuk menarik minat perhatian pembaca. Manakala tajuk bahasa Tamil pula menepati kesemua- semua kriteria seperti jelas, padat, tepat dan menarik minat pembaca. Tajuk bahasa Tamil boleh dikatakan menarik minat kerana maklumat bahawa pencuri atas tren adalah ‘bekas banduan’. ‘ரயிலில் திருடிய குற்றத்திற்காக முன்னாள் கைதி, மீண்டும் கைது’ tajuk ini menjelaskan bahawa hantu ialah pencuri dan membuat kegiatan salah laku ini sekali lagi. Oleh sebab, pencuri ini pernah dihukum penjara sebelum ini kerana perbuatan yang sama, penterjemah

menegaskan dengan menyatakan frasa ‘முன்னாள் கைதி, மீண்டும் கைது’ dalam tajuk bahasa Melayu juga menegaskan frasa yang sama dengan menyatakan ‘*buat lagi*’. Kedua-dua tajuk ini memberi maklumat kejadian itu dengan tepat tetapi pembentangan tajuknya adalah berbeza.

4.2.5 6 disyaki curi alat ganti jentera berat ditahan - 1.1 மில்லியன்

பெருமானமுள்ள பொருள்களைத் திருடிய திருடர்கள் கைது!

TARIKH/ SURAT KHABAR	TAJUK TEKS SUMBER (BAHASA MELAYU)	TAJUK TEKS TARGET (BAHASA TAMIL)	TRANSLITER ASI	GLOS
6/5/2014 BERITA HARIAN	6 disyaki curi alat ganti jentera berat ditahan	1.1 மில்லியன் பெருமானமுள்ள பொருள்களைத் திருடிய திருடர்கள் கைது!	1.1 millian prumanammulle poruLkaLaith thirudiya thirudarkaL kaithu!	Menangkap pencuri yang mencuri barang yang bernilai sebanyak 1.1 million.

Perbincangan Soalan Kajian 1

Tajuk berita bahasa Melayu - Penggunaan angka atau digit sebagai objektif untuk membentangkan sesuatu peristiwa dengan konkrit dan bukti hanya untuk menyakinkan pembaca. Selain daripada itu, tajuk ini juga membantu menarik perhatian pembaca (Metila, 2013, ms.23). ‘6 disyaki’ dalam berita sumber asal bahasa Melayu merujuk kepada ‘orang’. Dengan ini tajuk bahasa Melayu dapat dinyatakan sebagai tajuk episodik.

Dalam penterjemahan tajuk bahasa Tamil pula memberi kepentingan kepada kos alat ganti jentera. ‘Alat ganti jentera berat’ itu bernilai sebanyak 1.1 juta. (1.1 மில்லியன்- 1.1 millian) membawa makna bahawa alat ganti jentera itu bukan yang murah sebaliknya yang mahal dan sukar didapatinya. Dalam tajuk berita asal, hanya

memfokuskan kepada pencuri ‘orang’ yang ramai iaitu sebanyak ‘6-orang’ cuba mencuri alat jentara berat. Manakala dalam penterjemahan tajuk target teks pula memfokuskan kepada nilai kos barang yang dicuri oleh pencuri tersebut. Di samping itu, dalam kedua-dua tajuk juga memberi pelaku ‘suspek’ dengan jelas. Tetapi, butir-butir maklumat yang digunakan untuk menyatakan suspek adalah berbeza dalam fokus masing-masing.

Perbincangan Soalan Kajian 2

Tajuk berita bahasa Melayu dan tajuk bahasa Tamil telah memenuhi kriteria jelas, tepat dan menarik minat pembaca. Tetapi, tidak memenuhi kriteria tepat. Kedua-dua tajuk telah memberi banyak informasi tentang kes jenayah dalam bentuk jumlah kerugian dan berapa orang yang terlibat dalam kes jenayah ini. Selain itu, tajuk ini juga telah menyatakan kesudahan kejadian iaitu ‘ditahan’ dan ‘கைது!’ oleh pihak berkuasa. Pembaca dapat semua informasi secara langsung apabila membaca kedua-dua tajuk ini.

4.2.6 Direman tiga hari - 500 வெள்ளியைத் திருடிய முன்னாள் காற்பந்து வீரர் கைது!

TARIKH/ SURAT KHABAR	TAJUK TEKS SUMBER (BAHASA MELAYU)	TAJUK TEKS TARGET (BAHASA TAMIL)	TRANSLITERA SI	GLOS
8/5/2014 HARIAN METRO	Direman tiga hari	500 வெள்ளியைத் திருடிய முன்னாள் காற்பந்து வீரர் கைது!	500 veLLiyaith thirudiya munnaL kaaRpanthu viirar kaithu!	Bekas pemain bola sepak ditangkap kerana mencuri sebanyak 500

Perbincangan Soalan Kajian 1

Tajuk berita bahasa Melayu hanya menyatakan apakah kesudahan kejadian dalam konteks jenayah ini. ‘*Direman tiga hari*’ suspek dan mangsa yang terlibat dalam kes jenayah ini tidak jelas, tepat, padat dan menarik minat. Tajuk berita bahasa Tamil pula memberi suspek ‘*முன்னாள் காற்பந்து வீரர் - Bekas pemain bola sepak*’ dan perlakuan ‘*கைது - ditangkap*’ sebab apa dikenai tangkap oleh pihak polis, ‘*500 வெள்ளியைத் திருடிய - mencuri sebanyak 500*’ dinyatakan dengan jelas. Kedua-dua tajuk ini dikategorikan sebagai bingkai episodik dan bingkai akibat/kesan. Walaupun, tajuk bahasa Melayu tidak eksplisit seperti tajuk bahasa Tamil, tetapi ia masih merujuk kepada seseorang individu dan kesan akibat kejadian jenayah tersebut.

Perbincangan Soalan Kajian 2

Tajuk berita bahasa Melayu ‘*direman tiga hari*’ juga adalah tajuk yang tidak tepat dan tidak jelas. ‘*Direman tiga hari*’ mungkin akan membuat pembaca menanya-nanya siapakah yang direman?, yang direman itu lelaki atau perempuan? atau Sebab apa mereka direman? Soalan-soalan sebegini akan muncul apabila membaca tajuk ini. Oleh itu, penulis berita atau penterjemah perlu mengelakan memberi tajuk seperti ini. Tajuk penterjemahan bahasa Tamil lebih jelas dan tepat dari segi pengungkapan. Tajuk bahasa Tamil telah menyatakan dengan jelas berapa banyak nilai yang dicuri oleh bekas pemain dan apakah hukuman yang setimpal didapati oleh pemain tersebut.

Selain itu, tajuk juga memperbesarkan isu ini dengan memberitahu bahawa pemain bola sepak mencuri wang yang bernilai 500 ringgit. Pembaca akan bertindak membaca berita selanjutnya supaya ingin mengetahui apakah sebab dia berbuat demikian dan tujuan apa yang menyebabkan dia mencuri wang tersebut. Jadi, tajuk bahasa Tamil adalah lebih jelas, tepat, padat dan menarik minat serta membolehkan membaca artikel sepenuhnya.

4.2.7 Rompakan dalam masa tiga minit - 3 நிமிடத்தில் கொள்ளை, 16350 நஷ்டம்!

TARIKH/ SURAT KHABAR	TAJUK TEKS SUMBER (BAHASA MELAYU)	TAJUK TEKS TARGET (BAHASA TAMIL)	TRANSLITERAS I	GLOS
8/5/2014 SINAR HARIAN	Rompakan dalam masa tiga minit	3 நிமிடத்தில் கொள்ளை, 16350 நஷ்டம்!	3 <i>nimidaththil</i> <i>koLLai, 16350</i> <i>nashdam!</i>	Rompakan dalam masa 3 minit menyebabkan kerugian sebanyak 16350.

Perbincangan Soalan Kajian 1

Tajuk berita bahasa Melayu - angka bukan sahaja digunakan untuk merujuk kepada orang atau wang, tetapi ia juga membantu merujuk masa. ‘Masa tiga minit’ tidak menggunakan angka sebaliknya menggunakan perkataan dalam tajuk asal. ‘Tiga minit’ merupakan simbolik kepada masa yang singkat. Masa singkat secara tidak langsung membawa maksud bahawa apa-apa sahaja boleh berlaku dan sentiasa berhati-hati dimana sahaja. Penterjemah bahasa Tamil pula mengikut cara yang sama, tetapi berbeza dari segi memberi maklumat tambahan. “3 நிமிடத்தில் கொள்ளை, 16350 நஷ்டம்” – “3 *nimidaththil koLLai, 16350 nashdam!*” memberikan maklumat tambahan seperti ‘16350 *nashdam*’ iaitu mengalami kerugian sebanyak 16350. Disebabkan kedua-dua tajuk ini melaporkan kerosakan dan kerugian dalam tajuk berita, maka dibingkaikan sebagai bingkai akibat dan bingkai episodik kerana laporan peristiwanya bertumpu kepada kumpulan perompak yang bijak.

Perbincangan Soalan Kajian 2

Tajuk berita bahasa Melayu tidak memenuhi kriteria jelas, tepat, padat dan menarik minat pembaca. Hal ini kerana, tajuk bahasa Melayu tidak memberi tempat, suspek, mangsa dengan jelas. Manakala, tajuk berita bahasa Tamil pula memberi maklumat tentang kesudahan kejadian dan akibat daripada peristiwa tersebut. Menurut Lamb (1985), tajuk ini telah mematuhi peraturan sesebuah tajuk dengan memberi penjelasan dan gambaran yang tepat tentang rompakkan tersebut. Walaupun kejadian rompakkan tersebut berlangsung selama 3 minit, kerugian daripada kejadian tersebut telah dinyatakan dengan jelas dan tepat.

4.2.8 Bantal atas muka – தலையணையால் முகத்தை மூடி, முதியவர் கொலை!

TARIKH/ SURAT KHABAR	TAJUK TEKS SUMBER (BAHASA MELAYU)	TAJUK TARGET (BAHASA TAMIL)	TEKS TRANSLITERASI	GLOS
9/5/2014 HARIAN METRO	Bantal atas muka	தலையணையால் முகத்தை மூடி, முதியவர்கொலை!	<i>thalaiyaNaiyaal mukaththai muudi, muthiyavar kolai!</i>	Warga emas dibunuh menutup muka dengan bantal

Perbincangan Soalan Kajian 1

Tajuk berita bahasa Melayu ‘*Bantal atas muka*’ merupakan tajuk diberikan kepada salah satu berita jenayah dalam *Harian Metro*. Walaupun tajuk ini tidak mempunyai dua ciri yang penting yang perlu dalam sesuatu tajuk utama iaitu subjek dan kata kerja, tetapi masih berjaya menarik perhatian pembaca untuk membaca artikel ini. Menurut Lamb (1985), sesuatu tajuk utama perlu mengandungi subjek dan kata kerja dan tanpa kata bantu, kata ganti nama, artikel serta kata hubung dan sebagainya. “*A headline is a*

kernel sentence, containing a subject and a verb, without auxillaries, pronouns, articles or conjunctions (Lamb1985, ms.35). Oleh itu, penyelidik mengkatagorikan tajuk ini sebagai bingkai episodik dan bingkai akibat dan kesan. Tajuk berita bahasa Tamil diketagorikan sebagai bingkai kepentingan manusia kerana tajuknya lebih peribadi yang menggambarkan wajah manusia. Selain itu, tajuk bahasa Tamil menghasilkan perasaan kemarahan orang awam kerana membunuh seorang warga emas dengan menutup muka menggunakan bantal.

Perbincangan Soalan Kajian 2

Tajuk berita bahasa Melayu - '*Bantal atas muka*' ini dikategorikan sebagai tajuk berita yang tidak jelas dan agak mengelirukan. Ini kerana bantal biasa digunakan untuk mengalas kepala. Dalam tajuk ini pula bantal digunakan di atas muka. Bantal di atas muka dalam konteks jenayah ini membawa makna tersirat, yang lebih kepada pembunuhan.

- Bantal di atas muka disignifikasikan sebagai pembunuhan- (gambaran mental yang jelas dibentuk tentang cara pembunuhan dilakukan.)
- Bantal di bawah kepala disignifikasikan sebagai tidur/ baring- (gambaran mental yang jelas dibentuk menyatakan dalam cara yang tidak langsung baring atas bantal.)

Tajuk '*Bantal atas muka*' ini tidak mempunyai dua ciri yang penting yang perlu dalam sesuatu tajuk utama iaitu subjek dan kata kerja, tetapi ia masih menarik perhatian pembaca untuk membaca artikel sepenuhnya. Tajuk berita bahasa Melayu telah memenuhi kriteria padat dan menarik minat pembaca tetapi ia tidak tepat dan tidak jelas dalam kejadian tersebut. Tajuk berita bahasa Tamil lebih jelas dan eksplisit tentang kejadian pembunuhan dalam peristiwa. Selain daripada itu, tajuk ini juga menerangkan cara bagaimanakah warga emas itu dibunuh? Walau bagaimanapun, cara pembunuhan itu tidak begitu agresif tetapi masih menarik perhatian pembaca kerana 'bantal'

digunakan untuk membunuh seorang warga tua. Bagi mengetahui kejadian sebenar, pembaca akan bertindak membaca kandungan berita sepenuhnya. Oleh sebab itu, tajuk berita bahasa Tamil telah memenuhi kriteria jelas, padat, tepat dan menarik minat pembaca.

4.2.9 Ditembak di majlis takziah – கருமகிரியை சடங்கில் ஒருவர் சுட்டு கொலை!

TARIKH/ SURAT KHABAR	TAJUK TEKS SUMBER (BAHASA MELAYU)	TAJUK TEKS TARGET (BAHASA TAMIL)	TRANSLITER ASI	GLOS
14/5/2014 HARIAN METRO	Ditembak di majlis takziah	கருமகிரியை சடங்கில் ஒருவர் சுட்டு கொலை!	<i>Karumakiriyai sadangkil oruvar suddu kolai</i>	Seorang lelaki ditembak mati semasa upacara pengebumian

Perbincangan Soalan Kajian 1

Tajuk berita bahasa Melayu – ‘Ditembak di Majlis Takziah’ membawa maksud yang menyatakan rasa dukacita dan perlakuan suspek yang kejam. Oleh sebab suspek yang menembak seorang dalam majlis takziah, tajuk ini dikategorikan sebagai tajuk bingkai kepentingan manusia dan bingkai episodik. Konteks ini berlaku dimana sebuah majlis takziah, iaitu sesuatu majlis yang sedih kerana kehilangan nyawa orang yang disayangi. Selain daripada itu, konteks ini juga menggambarkan bahawa tiada suatu tempat yang dikatakan selamat dari kejadian jenayah atau keganasan. Maka, keadaan sebegini secara tidak langsung membuatkan kita berfikirkan bahawa di negara kita undang-undang tidak begitu ketat dan hukuman tidak begitu setimpal untuk mengurangkan jenayah seperti ini. Tajuk berita bahasa Tamil telah menggambarkan jenis pemingkaian yang seperti bahasa Melayu iaitu bingkai kepentingan manusia. Tajuknya agak berbeza sedikit dengan tajuk bahasa Melayu kerana menyatakan siapa (mangsa) yang dibunuh dalam kejadian ini. Tajuk bahasa Melayu hanya menegaskan apa yang berlaku dalam konteks

tersebut tanpa menyatakan siapa yang mati dibunuh. Tajuk bahasa Tamil pula menegaskan siapa yang ditembak mati secara umum tanpa memberitahu siapa yang dibunuh dalam kejadian itu perempuan atau lelaki.

Perbincangan Soalan Kajian 2

Tajuk berita bahasa Melayu telah memenuhi kriteria padat dan menarik minat pembaca. Ini kerana ia menyatakan tempat atau lokasi yang boleh membangkitkan perasaan pembaca seperti majlis takziah. Selain itu, tajuk bahasa Melayu juga usaha memperibadikan tajuknya dengan menambah perkataan '*ditembak*' hanya untuk mengungkit perasaan kemarahan terhadap suspek dan perasaan balas kasihan terhadap orang menjalani jenayah kejam ini. Dua lagi kategori seperti tepat dan jelas tidak dapat dalam tajuk bahasa Malayu tetapi terdapat dalam tajuk bahasa Tami. Jelas dari segi memberitahu mangsa yang dibunuh dalam kejadian tersebut dan lokasi iaitu majlis takziah untuk menegaskan ketepatan. Oleh itu dapat menegaskan bahawa tajuk bahasa Tamil telah memenuhi kriteria jelas, padat, tepat dan menarik minat pembaca.

4.2.10 Penjenayah ragut gadis betulkan tudung kantai - தன்வினை தன்னைச் சுடும்..!

TARIKH/ SURAT KHABAR	TAJUK TEKS SUMBER (BAHASA MELAYU)	TAJUK TEKS TARGET (BAHASA TAMIL)	TRANSLITE RASI	GLOS
15/4/2015 HARIAN METRO	2 Penjenayah ragut gadis betulkan tudung kantai	தன்வினை தன்னைச் சுடும்..!	<i>Thanvinai thannaich sudum!</i>	Terima akibat perbuatan sendiri

Perbincangan Soalan Kajian 1

Tajuk berita bahasa Melayu – ‘2 *Penjenayah (pelaku) ragut (kejadian) gadis (mangsa) betulkan tudung kantai (kesudahan kejadian)*’ ini disiarkan pada 15 haribulan Mei 2014. Menurut Crystal pula, apabila pembaca berhenti membaca sesuatu tajuk kerana ayat atau leksikal yang lebih menarik dan memikat hati pembaca adalah peranan utama sesuatu tajuk. ‘2 *Penjenayah ragut gadis betulkan tudung*’ tajuk ini menerangkan bila berlaku kejadian dan mangsa yang teribat dalam peristiwa tersebut. Jadi, tajuk ini katakanaan sebagai tajuk bingkai episodik.

Manakala tajuk bahasa Tamil bagi tajuk ‘2 *Penjenayah ragut gadis betulkan tudung kantai*’ pula sangat berbeza dan tidak mempunyai persamaan dengan tajuk bahasa Melayu. ‘தன்வினை தன்னைச் சுடும்...!’ - *Thanvinai thannaich sudum*’ merupakan salah satu peribahasa yang mengandungi banyak makna dan isi tersirat. Perbuatan atau tingkah laku yang salah tidak kira sama dari segi undang-undang atau tidak, seseorang itu akan menghadapi kesan atau implikasi yang setimpalnya. Walau bagaimanapun, ia membawa makna untuk sesuatu implikasinya, tetapi tidak memberi impak besar kepada pembaca seperti tajuk bahasa Melayu. Oleh sebab itu, kedua-dua tajuk ini dikategorikan sebagai tajuk bingkai akibat / kesan. Tetapi tajuk bahasa Tamil lebih menekankan nilai moral dalam bentuk nasihat, amaran, teguran dengan menggunakan peribahasa bahasa Tamil. Jadi, tajuk ini dikategorikan sebagai tajuk bingkai tematik.

Perbincangan Soalan Kajian 2

Tajuk berita bahasa Melayu - Perkataan ‘Kantai’ bertindak sebagai agent untuk menarik minat dalam tajuk berita bahasa Melayu. Makna sebenar bagi leksikal ‘Kantai’ ini tidak dapat dicari dalam kamus dewan dan pustaka. Hal ini kerana, ia bukannya satu penggunaan bahasa standard dan dapat diklasifikasikan sebagai bahasa basahan (*colloquial*). Tetapi, makna bagi perkataan ini dapat disimpulkan dengan memberi

penerangan seperti gagal dalam sesuatu percubaan untuk berbuat sesuatu perkara ataupun gagal merahsiakan sesuatu perlakuan dari diketahui orang ramai. Perkataan ini lazimnya digunakan oleh kaum Melayu secara verbal komunikasi. Tajuk berita bahasa Melayu telah memenuhi kriteria jelas, tepat, padat dan menarik minat pembaca.

Tajuk berita bahasa Tamil tidak memenuhi kriteria jelas, padat, tepat dan menarik minat pembaca. Tajuk berita bahasa Tamil - ‘தன்வினை தன்னைச் சுடும்...!-*Thanvinai thannaich sudum!*’ lebih sesuai digunakan dalam karangan dan juga artikel. Tetapi tidak sesuai digunakan dalam tajuk berita khususnya berita jenayah.

4.2.11 Lelaki maut dirodok badik - கத்தியால் குத்தப்பட்டு இந்தோனேசியர் கொலை!

TARIKH/ SURAT KHABAR	TAJUK TEKS SUMBER (BAHASA MELAYU)	TAJUK TEKS TARGET (BAHASA TAMIL)	TRANSLITER ASI	GLOS
20/5/2014 KOSMO	Lelaki maut dirodok badik	கத்தியால் குத்தப்பட்டு இந்தோனேசியர் கொலை!	Kaththiyaal kuththappaddu indonesiyar kolai	Seorang lelaki warga Indonesia telah dibunuh ditikam!

Perbincangan Soalan Kajian 1

Tajuk berita bahasa Melayu - ‘*Lelaki maut dirodok badik*’ adalah tajuk yang disiarkan dalam akhbar Kosmo. Tajuk ini bersifat khas sedikit kerana menonjolkan peralatan atau objek khusus yang digunakan untuk membuat pembunuhan. Badik merupakan sesuatu alat tajam yang digunakan oleh orang Indonesia. Bagi membesarkan kes pembunuhan ini, tajuk berita bahasa Melayu telah menekankan penggunaan peralatan iaitu badik dalam tajuk ini. Apabila membaca tajuk ini, pembaca akan bertindak memikirkan mungkin pembunuhan antara orang Indonesia atau orang tempatan. Badik tidak

diterjemahkan dalam tajuk berita bahasa Tamil kerana budaya orang India tidak menggunakan badik dalam kehidupan harian mereka.

Bagi mengelakkan penerangan yang panjang, penterjemah hanya menterjemahkan badik sebagai pisau (கத்தி). Dengan ini, dapat dinyatakan bahawa kedua-dua tajuk ini adalah bingkai episodik dan bingkai konflik kerana peristiwanya adalah lebih peribadi dan menekankan konflik antara dua orang Indonesia. ‘கத்தியால் குத்தப்பட்டு இந்தோனேசியர் கொலை!’ - Seorang lelaki warga Indonesia telah dibunuh ditikam!’ dalam tajuk ini dapat dilihat bahawa bahagian yang mana ditonjolkan dengan jelas dan yang kurang penting dihilangkan. (இந்தோனேசியர் /Warga Indonesia) telah ditonjolkan kerana mereka bukan warga negara Malaysia. Pembingkaiian menggunakan mangsa warga Indonesia, memberi satu sensasi di mana seorang warga asing terlibat dalam kejadian di negara ini.

Perbincangan Soalan Kajian 2

Tajuk berita bahasa Malayu - telah memenuhi kriteria tepat, padat dan menarik minat pembaca tetapi tidak jelas dari segi memberitahu suspek yang melakukan kekejaman tersebut. Tajuk berita bahasa Tamil telah memenuhi kriteria jelas, padat, tepat dan menarik minat pembaca. Hal ini kerana, tajuknya melengkapi dengan semua informasi seperti mangsa (warga Indonesia), perlakuan (maut dirodok/ dibunuh) dan bagaimana (badik/ sejenis pisau yang digunakan orang Indonesia) telah pun dinyatakan dengan jelas.

4.2.12 Pencuri lari tinggalkan 3 ekor lembu dalam MPV rosak – மாடு திருடு

தொடர்கதையாகிவிட்டது!

TARIKH/ SURAT KHABAR	TAJUK TEKS SUMBER (BAHASA MELAYU)	TAJUK TEKS TARGET (BAHASA TAMIL)	TRANSLITER ASI	GLOS
21/5/2014 UTUSAN MALAYSIA	Pencuri lari tinggalkan 3 ekor lembu dalam MPV rosak	மாடுதிருடுதொ டர்கதையாகிவி ட்டது!	<i>Maadu thirudu thodar kathaiyaakividda thu</i>	Kejadian mencuri lembu sudahpun menjadi satu kejadian bersiri

Perbincangan Soalan Kajian 1

‘Pencuri lari tinggalkan 3 ekor lembu dalam MPV rosak’ merupakan tajuk utama akhbar Utusan Malaysia. Tajuk ini lebih kepada bingkai episodik kerana memberi setiap maklumat atau perkara yang terlibat dalam kecurian itu. Misalnya, dalam kes kecurian itu telah dinyatakan bilangan lembu dicuri oleh pencuri, MPV rosak yang menyebabkan kegagalan dalam kes pencurian lembu dan sebagainya. Tetapi tajuk bahasa Tamil pula hanya menyatakan kejadian kes pencurian lembu itu berterusan dan tidak menyatakan sesuatu perkara yang boleh mengukuhkan kes jenayah seperti tajuk berita bahasa Melayu. Motif pencuri tersebut adalah mencuri tiga lembu dalam satu MPV. Niat mereka gagal kerana MPV itu rosak dalam perjalanan. Jadi tajuk bahasa Melayu telah pun memberi satu gambaran kejadian dalam tajuk berita. Manakala, tajuk berita bahasa Tamil hanya memberi apa yang dicuri oleh pencuri.

Perbincangan Soalan Kajian 2

Tajuk berita bahasa Melayu telah memenuhi kriteria jelas, tepat, dan menarik minat dalam memberi maklumat kejadian kes jenayah ini. Tetapi, tajuk bahasa Melayu tidak

padat seperti tajuk bahasa Tamil. Manakala tajuk berita bahasa Tamil jelas memberi informasi kes jenayah tetapi tidak menarik minat seperti tajuk bahasa Melayu. ‘*Pencuri lari tinggalkan 3 ekor lembu dalam MPV rosak - மாடு திருடு தொடர்கதையாகிவிட்டது!*’ daripada kedua-dua tajuk ini, ‘*tinggalkan 3 ekor lembu dalam MPV rosak*’ lebih menarik minat pembaca untuk membaca berita selanjutnya. ‘*தொடர்கதையாகிவிட்டது*’ tidak begitu menarik minat kerana ia tidak memberi satu tarikan untuk membaca berita tentang kes jenayah.

4.2.13 Maut ditembak depan kuil angkara dendam! - கோயிலில் இளைஞர்

சுடப்பட்டு பலி!

TARIKH/ SURAT KHABAR	TAJUK TEKS SUMBER (BAHASA MELAYU)	TAJUK TEKS TARGET (BAHASA TAMIL)	TRANSLI TERASI	GLOS
26/5/2014 SINAR HARIAN	Maut ditembak depan kuil angkara dendam!	கோயிலில் இளைஞர் சுடப்பட்டு பலி!	Kovilil iLainjar suudappadd u pali	Seorang lelaki ditembak mati di depan kuil.

Perbincangan Soalan Kajian 1

Tajuk berita bahasa Melayu - “*கோயிலில் இளைஞர் சுடப்பட்டு பலி*” telah diterjemahkan daripada tajuk Bahasa Melayu “*Maut ditembak depan kuil angkara dendam!*”. Jika dibandingkan dengan tajuk bahasa Melayu dengan bahasa Tamil, kedua-dua tajuk ini ada persamaan dari segi menonjolkan tempat kejadian iaitu ‘kuil’. Hal ini kerana, kuil merupakan suatu tempat awam yang dihadiri oleh penganut-penganut Hindu untuk menunaikan ibadat dan menjalankan upacara keagamaan. Apabila berlaku kejadian seperti pembunuhan di kuil, secara tidak langsung akan menjadi buah mulut rakyat. Dengan ini tajuk berita bahasa Melayu dan tajuk berita bahasa Tamil dapat

dikategorikan sebagai bingkai episodik, kerana kedua-dua tajuk menonjolkan kejadian dengan merujuk pada tempat yang khusus.

Seperti apa yang dinyatakan oleh Iyengar (2009), yang menjelaskan bahawa bingkai episodik lebih memberi keutamaan kepada individu dan ia amat mudah untuk melihat sesuatu masalah dan penyelesaian daripada sesuatu konteksnya. Tajuk berita bahasa Melayu dapat dibingkaikan sebagai bingkai kepentingan manusia. Disebabkan dalam tajuk ini dengan jelas menegaskan motif pembunuhan adalah kerana '*angkara dendam*'. '*Dendam*' adalah sejenis perasaan negatif dan memberi konteks emosi dalam situasi. Oleh sebab itu, penyelidik meletakkan tajuk bahasa Melayu bukan sahaja dalam bingkai konflik antara dua individu tetapi juga dalam bingkai kepentingan manusia. Jika dibanding dengan tajuk bahasa Tamil penyelidik hanya mengklasifikasikannya sebagai bingkai konflik. Ini disebabkan kerana tajuk berita bahasa Tamil tidak menggunakan bahasa yang beremosi dan lebih menekankan konflik antara dua orang yang membawa kejadian pembunuhan didepan tempat ibadat.

Perbincangan Soalan Kajian 2

Dalam tajuk bahasa Melayu tidak menyatakan mangsa dan suspek dengan jelas. Tajuk penterjemahan pula menjelaskan mangsa dengan jelas, tetapi tidak menyatakan motif kejadian seperti yang dinyatakan dalam tajuk bahasa Melayu. Oleh demikian itu, kedua-dua tajuk ini tidak boleh dikategorikan sebagai jelas. Walaupun ia tidak jelas dari segi motif dan suspek ataupun mangsa, kedua-dua tajuk ini memenuhi kriteria padat, tepat dan menarik minat pembaca.

4.2.14 Penggal Kepala Budak - பெண் குழந்தையின் தலையைக் கொய்தான்!

TARIKH/ SURAT KHABAR	TAJUK TEKS SUMBER (BAHASA MELAYU)	TAJUK TEKS TARGET (BAHASA TAMIL)	TRANSLIT ERASI	GLOS
30/5/2014 BERITA HARIAN	Penggal Kepala Budak	பெண் குழந்தையின் தலையைக் கொய்தான்	peNn kuaznthaiyin thalaiyaik koyaithaan	Kepala budak perempuan dipenggal

Perbincangan Soalan Kajian 1

Tajuk berita bahasa Melayu - '*Penggal kepala budak*' adalah tajuk utama Berita Harian yang disiarkan pada haribulan 30 Mei 2014. Kedua-dua tajuk bahasa Melayu dan bahasa Tamil menunjukkan bingkai episodik dan bingkai minat manusia. Menurut Semetko dan Valkenburg (2000), kata sifat atau 'vignettes' yang digunakan untuk menghasilkan perasaan kemarahan orang ramai. Kedua-dua tajuk berita tersebut boleh menimbulkan perasaan marah ketika pembaca membaca tajuk utama tersebut. '*Budak*' ialah mangsa dan '*penggal*' adalah perbuatan yang jahat. Apabila membaca tajuk '*penggal kepala bayi perempuan*' memberi sejenis perasaan marah dan akan membuat pembaca ingin mengetahui kejadian seterusnya seperti sebab apa penjenayah tersebut melakukan jenayah ini dan dimanakah kejadian yang amat kejam ini berlaku dan sebagainya.

Perbincangan Soalan Kajian 2

Tajuk berita bahasa Melayu - '*Penggal Kepala Budak*' telah memenuhi kriteria jelas, tepat, padat dan menarik minat pembaca manakala tajuk berita bahasa Tamil tidak menepati kriteria tepat. '*Penggal kepala*' adalah sesuatu perbuatan yang kejam apatah lagi penggal kepala budak. Bagi tajuk penterjemahan Bahasa Tamil pula diterjemahkan daripada tajuk sumber, tetapi ia ada perbezaan dari segi penggunaan perkataan

‘கொய்தான்’ membawa maksud ‘penggal’. Walaupun ia membawa makna yang sama dengan penggal tetapi tidak sesuai digunakan pada masa kini dan juga konteks jenayah. Ini kerana ‘கொய்தான்’ adalah bahasa klasik dan pembaca zaman masa kini jarang menggunakan perkataan tersebut. Perkataan tersebut amat sesuai digunakan dalam novel atau sajak.

4.2.15 Tali pinggang hinggap kepala –கேள்வி கேட்ட பாதுகாவலருக்கு பலத்த அடி!

TARIKH/ SURAT KHABAR	TAJUK SUMBER (BAHASA MELAYU)	TEKS TARGET (BAHASA TAMIL)	TRANSLITER ASI	GLOS
27/5/2014 HARIAN METRO	Tali pinggang hinggap kepala	கேள்வி கேட்ட பாதுகாவலருக்கு பலத்த அடி!	keLvi keedda paathukaavalar ukku palathe adi!	Pengawal dipukul teruk kerana menanyakan soalan!

Perbincangan Soalan Kajian 1

Tajuk berita bahasa Melayu, ‘Tali pinggang hinggap kepala’ merupakan satu tajuk yang telah digunakan dalam surat khabar *Harian Metro*. Tali pinggang merupakan satu objek yang digunakan untuk mengebat atau mengikat seluar. Kata kerja ‘hinggap’ memberi huraian bahawa ‘berhenti terbang lalu duduk bertenggek pada sesuatu misalnya lalat’ (*Kamus Dewan Edisi Keempat*). Apabila kata kerja ‘hinggap’ dibingkai dengan kepala memberi makna bahawa tali pinggang itu terbang dan datang menghinggap di atas kepala. Kata kerja ‘hinggap’ dalam konteks jenayah ini dapat dianggap bahawa ‘kecederaan’. Digabungkan dengan ‘tali pinggang’ dikonotasikan makna bahawa tali pinggang digunakan untuk mencederakan orang. Justeru itu, kedua-dua tajuk ini merupakan bingkai episodik. Pada masa yang sama, kedua-dua tajuk ini mencerminkan

perbezaan pendapat antara individu dalam kes jenayah, maka dapat dibingkaikan sebagai bingkai konflik.

Perbincangan Soalan Kajian 2

Tajuk berita bahasa Melayu '*Tali pinggang hinggap kepala*' Pemilihan tajuk sedemikian boleh dikatakan satu usaha untuk kekal konservatif dan padat tetapi masih kabur mengenai isu-isu atau peristiwa sebenar. Apabila tali pinggang dibingkaikan dengan kepala menggambarkan sebagai satu tajuk yang mengelirukan, tidak sesuai atau membawa satu konteks jenaka dengan cara pemaksaan tanpa mengambil-kira keutamaan sebenar dan kesan berita. Menurut Lamb (1985) tajuk berita mesti mengelakkan kekeliruan seperti yang dapat dilihat dalam tajuk berita jenayah bahasa Melayu ini.

Tajuk penterjemahan bahasa Tamil ini dari segi pembentukan ayatnya agak unik sedikit dan konteksnya lebih kepada peristiwa kejadian tersebut. Tajuk ini juga terus terang dan eksplisit. Pengawal dipukul kerana menanyakan soalan adalah huraian tajuk bagi bahasa Tamil. Soalan menjadi sebagai daya tarikan pembaca dan berhenti untuk membawa apakah soalan kemungkinan pengawal tertanya kepada pelanggan sehingga pelanggan memukul, pengawal terbabitnya. Selain daripada itu, '*பலத்த*' membawa makna 'kuat/teruk', dan '*அடி*' membawa makna pukul dalam bahasa Melayu. '*பலத்த*' secara tidak langsungnya memberitahu bahawa pengawal di kena belasah dengan teruk oleh pelanggan. Tajuk berita bahasa Tamil telah memenuhi kriteria jelas, tepat, padat dan menarik minat pembaca berbanding tajuk berita bahasa Melayu.

4.3 Kesimpulan

Secara keseluruhan, boleh dirumuskan bahawa kesemua 15 tajuk berita jenayah dalam bahasa Melayu dan terjemahan ke dalam bahasa Tamil adalah berbingkai episodik mengikut definisi Iyengar (1991) yang kebanyakannya berkaitan dengan bingkai akibat/kesan Semetko dan Valkenburg (2000). Juga secara keseluruhan, dari aspek kejelasan, ketepatan, kepadatan atau keringkasan serta daya tarikan tajuk berita jenayah, penulis tajuk berita bahasa Melayu dan penterjemah bahasa Tamil menepati kebanyakan dari kriteria yang disyorkan oleh Crystal (1969) dan Lamb (1985). Bab 5 seterusnya akan merumuskan beberapa aspek perbezaan yang lebih ketara atau khusus di antara pemingkaian tajuk berita jenayah antara dua pasangan bahasa yang telah dikaji serta berkesan formulasi tajuk berita berdasarkan empat kriteria tajuk berita yang efektif yang digunakan sebagai kayu ukur dalam kajian ini.

BAB 5

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan

Kajian ini adalah amat mencabar kerana penyelidik meneroka alam baru dalam bidang pbingkaian khasnya dalam media massa tempatan. Secara am, kajian tentang pbingkaian tajuk berita atau berita sepenuhnya dalam akhbar tidak banyak dijalankan di Malaysia. Kajian pbingkaian tajuk berita khususnya dari bahasa Melayu ke dalam bahasa Tamil juga belum dikaji oleh penyelidik tempatan. Hal ini terbukti kerana tiada laporan penyelidikan atau kajian tesis dalam bidang ini yang terdapat dalam perpustakaan-perpustakaan utama di Malaysia. Malah ramai penterjemah surat khabar tempatan juga tidak pernah mendengar tentang kaedah dan teori pbingkaian ini.


Melalui data yang dipilih, kajian ini dapat menjelaskan bagaimana tajuk berita jenayah dalam bahasa Melayu dibingkaikan berbanding dengan penterjemahan tajuk-tajuk berita asal Melayu ke dalam bahasa Tamil. Selain itu, dapatan kajian ini juga menunjukkan betapa pentingnya peranan yang dimainkan oleh penterjemah untuk menyampaikan tajuk berita yang bukan sahaja menarik minat tetapi lebih-lebih lagi yang tepat, padat dan jelas yang dapat mencerminkan isi kandungan utama berita dalam bahasa sumber.

5.2 Dapatan kajian

Dua kerangka teori telah digunakan dalam analisis kajian ini. Teori pbingkaian yang diperkenalkan oleh Iyengar (1991 & 2009) dan juga Sementko & Valkenburg (2000) telah digunakan untuk menganalisa data bagi menjawab soalan

kajian 1. Manakala, bagi mengkaji soalan dua pula, penyelidik telah menggunakan saranan dalam teori Crystal (1969) dan juga teori Lamb (1985).

Kajian analisis ini telah membantu penyelidik mengenal pasti beberapa unsur maklumat yang diutamakan dalam tajuk berita jenayah bahasa Melayu berbanding dengan tajuk terjemahan ke dalam bahasa Tamil. Pada masa yang sama juga penyelidik telah mengenal pasti perbezaan dalam penggunaan bahasa tajuk berita jenayah bahasa Melayu dan tajuk berita bahasa Tamil. Penyelidik juga telah mendapat gambaran jelas samada tajuk berita jenayah dalam bahasa Melayu berbanding dengan terjemahannya ke dalam bahasa Tamil memenuhi kriteria tajuk berita yang jelas, tepat, padat dan menarik minat. Kajian ini mendapati bahawa semua tajuk berita jenayah menggunakan bingkai episodik.



Rajah 5.1: Keseluruhan gambaran penggunaan jenis pembingkai yang telah digunakan dalam tajuk utama berita jenayah.

Daripada kajian ini, penyelidik mendapati bahawa tajuk berita bahasa Melayu dan tajuk berita bahasa Tamil lebih memfokuskan kepada bingkai episodik dan bingkai akibat. Sebanyak 48% tajuk berita jenayah bahasa Melayu dan 77% tajuk terjemahan berita jenayah ke dalam bahasa Tamil menunjukkan bingkai episodik dan bingkai

akibat. Tajuk sumber seperti ‘Samun: tiga mati ditembak polis’ merupakan satu tajuk yang mempunyai dua kategori bingkai iaitu bingkai episodik dan bingkai akibat. ‘Samun’ menjelaskan episod atau kejadian jenayah dalam kes ini. Penulis juga menyatakan apakah kesudahan kejadian kes tersebut dengan menambahkan frasa ‘*mati ditembak*’. Maka ‘*mati ditembak*’ dapat dikategorikan sebagai bingkai akibat (iaitu akibat yang diterima oleh penyamun) sementara leksikal ‘samun’ pula merujuk kepada bingkai episodik. Dengan ini dapat disimpulkan bahawa kata kerja khususnya bagi konteks jenayah seperti ditahan, ditembak, diberkas dan sebagainya secara langsung merujuk kepada bingkai akibat.

Berdasarkan kajian analisis pemingkaian ini, penyelidik mendapati bahawa surat khabar bahasa Tamil lebih mementingkan penggunaan tajuk berita jenayah yang lengkap dan jelas berbanding tajuk berita jenayah bahasa Melayu. Walaupun bahasa Tamil menterjemahkan apa yang disiarkan dalam surat khabar bahasa Melayu, ia lebih memfokuskan pada penggunaan struktur ayat yang lengkap dan jelas. Ini dapat dilihat dari segi peratus iaitu sebanyak 91%. Dalam surat khabar bahasa Melayu ada contoh-contoh tajuk berita yang tidak lengkap dan juga kabur. Apa yang dimaksudkan dengan ayat kabur ialah ayat di mana tidak ada subjek ataupun predikat. Sebagai contohnya, ‘*tak sempat merasa*’ adalah antara contoh tajuk berita bahasa Melayu yang menunjukkan ayat tidak lengkap dan kabur. Tidak ada pembuat/subjek ayat serta objek/predikat ayat. Pembaca mungkin akan tertanya-tanya “*Siapa tak sempat merasa apa?*”.

Disebabkan bahasa Tamil lebih mementingkan tajuk berita yang lengkap dan jelas, ia menggunakan lebih banyak ítem leksikal dalam tajuk utama jika dibandingkan dengan tajuk bahasa Melayu. Tajuk berita jenayah bahasa Melayu yang lebih padat dibandingkan dengan tajuk berita jenayah Tamil juga cenderung menggunakan bahasa

kiasan seperti metafora. Dalam contoh, '*hantu koc*' buat lagi" (02/05/2014 - *Harian Metro*) metafora '*hantu koc*' merujuk kepada suspek kerana mencuri dalam kereta api pada waktu malam. Rujukan kepada '*hantu koc*' begitu tepat dalam konteks ini kerana ia meningkatkan penonjolan kejadian kecurian tersebut dimana penjenayah begitu licik dan tidak dapat dikesan seperti hantu yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar.

Bahasa basahan (*colloquialism*) juga digunakan dalam tajuk berita jenayah bahasa Melayu seperti '*kantoi*'. Perkataan '*kantoi*' merupakan ítem leksikal yang bukan standard dan tidak wajar digunakan dalam tajuk berita. Tetapi, disebabkan hal penonjolan diutamakan dalam tajuk berita, penggunaan bahasa basahan sudah jadi kebiasaan dan mungkin tidak susah difahami pembaca bahasa Melayu. Selain daripada itu, frasa-frasa yang nampak tidak gramatis dari segi kolokasi dalam contoh-contoh seperti '*Bantal di atas muka*' dan '*tali pinggang hinggap di atas kepala*'. Walaupun kolokasi atau struktur frasa '*bantal*' + '*di atas*' dan '*tali pinggang*' + '*hinggap*' tidak berbunyi gramatis, kedua-dua tajuk berita jenayah ini mungkin menarik minat pembaca kerana sesuatu kejadian kecederaan atau pembunuhan dapat dikesan daripada tempat kemana bantal atau tali pinggang ditujukan iaitu '*muka*' dan '*kepala*'.

Satu lagi ciri ketara pembingkai tajuk berita jenayah bahasa Melayu berbanding dengan tajuk berita jenayah bahasa Tamil ialah bahasa Melayu lebih berfokus pada bilangan penjenayah seperti '*6 disyaki*', '*tiga mati ditembak*' dan '*tiga diberkas*' manakala tajuk bahasa Tamil pula berfokus pada berapa banyak kerugian misalnya '*1.1 million*' dirompak oleh pencuri. Tidak dapat dinafikan bahawa penggunaan angka membuatkan sesuatu tajuk lebih menonjol dan menarik. Sebagai contohnya, '*tiga minit*' merujuk kepada tempoh masa yang begitu singkat dimana berlakunya rompakan yang dilaporkan. Frasa '*tiga minit*' merupakan pemilihan leksikal tajuk yang tepat dan menarik minat. Secara tidak langsung ia memberi implikasi

bahawa penjenayah pada masa kini telah mahir dalam melakukan rompakan dalam masa begitu singkat. Tambahan pula, ia juga menyedarkan pihak bertanggungjawab supaya lebih berwaspada kepada masalah jenayah. Penggunaan angka yang merujuk umur yang paling kecil dan besar dalam tajuk berita juga memberi impak kepada pembaca. Misalnya, '*budak 10 tahun*' memberi gambaran bahawa budak perempuan yang bawah umur dan tidak matang. Apabila umur yang sangat muda dibingkaikan dengan perkataan '*dirogol*' memberi perasaan marah kepada pembaca.

Daripada kajian ini juga, penyelidik mendapati bahawa fokus pemingkaian tajuk berita jenayah adakala menonjolkan tempat jenayah berlaku terutamanya bila jenayah berlaku ditempat yang tidak disangka seperti di majlis awam ataupun tempat beribadat. Pemingkaian seperti ini memberi impak kekejutan pada pembaca kerana tempat-tempat seperti ini pun tidak berkecuali daripada perbuatan jenayah mahupun keganasan. Dua tajuk berita membingkaikan lokasi jenayah iatu '*di kuil*' dan '*majlis takziah*'. Maka, keadaan sebegini secara tidak langsung membuatkan pembaca berita sedar bahawa mereka perlu berhati-hati dimana jua mereka berada kerana malang tidak berbau.

Tambahan lagi, terdapat juga beberapa tajuk utama yang dibingkaikan tanpa memberitahu '*suspek*' atau '*mangsa*' dan ini adalah untuk tujuan menarik minat pembaca. Pemingkaian tajuk sebegini akan membangkitkan rasa ingin tahu pembaca. Dalam kajian ini juga telah dikenal pasti penggunaan sebaris lagu filem popular sebagai tajuk berita jenayah dalam bahasa Tamil yang juga menarik minat pembaca.

Akhir kata, secara keseluruhannya tajuk-tajuk berita jenayah dalam bahasa Melayu dan terjemahan tajuk-tajuk tersebut ke dalam bahasa Tamil saling berkait antara satu sama lain kerana masing-masing mencerminkan gaya penulisan tajuk berita yang lebih menekankan aspek-aspek sensasi dalam penyiaran tajuk berita.

5.3 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini telah membuka lembaran baru dalam penyelidikan pemingkaian. Hal ini kerana, setakat ini tiada kajian yang dilakukan mengenai pemingkaian tajuk berita jenayah bahasa Melayu dan terjemahannya ke dalam bahasa Tamil. Kajian mengenai pemingkaian tajuk berita memang terhad bukan sahaja di Malaysia malah di peringkat antarabangsa. Diharapkan kajian ini akan menjadi panduan dan rujukan kepada penyelidik-penyelidik di Malaysia pada masa akan datang. Selain daripada itu, usaha-usaha untuk menerokai bidang ini perlu diberi perhatian yang lebih oleh penyelidik-penyelidik terjemahan bagi memastikan penyampaian tajuk berita yang lebih cekap dan tepat.

Kajian penyelidikan ini dilakukan dalam bidang tajuk jenayah di antara sepasang bahasa sahaja iaitu bahasa Melayu dan bahasa Tamil. Oleh yang demikian, penyelidik ingin mencadangkan agar para penyelidik yang lain membuat perbandingan strategi pemingkaian dalam bidang-bidang lain dalam media massa seperti politik, ekonomi, pendidikan, hiburan dan sebagainya. Juga pasangan bahasa yang boleh dikaji boleh merangkumi berbagai bahasa tempatan dan antarabangsa. Kajian-kajian seperti ini dapat memperkayakan bidang linguistik dan juga memperkasakan lagi kajian bidang penterjemahan.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan & Low, K. O. (2005). *Terjemahan dan Pengglobalan Ilmu Translation and the Globalization of Knowledge*. Kertas kerja /Papers persidangan Penterjemahan Pntarabangsa Ke-10, Hotel Sutera Magellan, Kota Kinabalu, Sabah: Malaysia.
- Abdul,R.S. & Mansor,A.S. (1986). *Asas Pengurusan Personel*, Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abdullah, H. A. M. (2001). *Teori dan Teknik terjemahan*. Selangor: Lohprint Shd.Bhd.
- Abdul, R. H. & Saliza, A. (2008). *Tahap Penguasaan Guru Dalam Melaksanakan Pentaksiran Kerja Amali (PEKA) Sains Menengah Rendah*. Seminar Kebangsaan Pendidikan Sains Dan Matematik. 11-12 Oktober 2008.
- Ahn,Y.H. (2004). *Laras Bahasa: Suatu Analisis Tajuk-Tajuk Berita Dalam Berita Harian*. Fakuti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Asma, Y. (2003). *Berita Politik dalam Akhbar Bahasa Melayu: Analisis Struktur dan Kohesi*. Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- A.F.Yassin. (1986). *Etika dan Wartawan: Satu Kajian Kes di Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Asmah, H.O. (1995). *An Inroduction to Malay Grammar*, 4th Printing, Kuala Lumpur. Dewan Bahasa & Pustaka.
- Asmah, H. O. (1987). *Bahasa Malaysia Sainifik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Awan Masih Biru (etd) Adaptasi Pelajar Pribumi: Kajian Kes di S.M.K RLKT Lasah SG.Siput Perak. Retrieved from <http://suhaila-kamal.blogspot.my/>
- Baran, S.J. & Davis, D.K. (2015). *Mass communication theory: Foundations, ferment, and future* (7th ed.). Stamford, CT: Cenage Learning
- Bell,A.(1991). *The Languange of News Media*. Oxford: Basil Blackwell Ltd. Bharian.com.my.
- Berg, B.L. (2001). *Qualitative Research Methods for the Social Sciences*, Boston: Allyn and Bacon.
- Bhatia, V.K. (1993). *Analysing Genre: Languange Use in Professional setting* London: Longman.
- Brunken, B.L. (2006). *Hurricane Katrina: A Content Analysis of Media Framing, Attribute Agenda Setting, and Tone of Government Response, Thesis for Master of Mass Communication*. http://etd.lsu.edu/docs/available/etd-07102006-130303/unrestricted/Brunken_thesis.pdf
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.

- Crystal, D. (1969). *Prosodic System and Intonation in English*. Cambridge U.Press: Landon.
- Claes, H. d. V. (2005). *News Framing: Theory and typology*. Information Design Journal + Document Design 13(1), 51-62: John Benjamins Publishing Company. Retrieved On 23 march 2016 from http://msapunlam.ac.id/download/bahan_bacaan/New%20Framing.pdf
- Dor, D.(2003). *On Newspaper Headlines as Relevance Optimizers*. Journal of Pragmatics 35 (5): 695–721.
- Entman, R.M. (1993). *Framing: toward clarification of a fractured paradigm*. Journal of Communication, 43(4), 51-58.
- Entman, R.M. & Rojecki, A. (1993). *Freezing Out the Public: Elite and Media Framing of the U.S. Anti-Nuclear Movement*. Political Communication, 10(2): 155-173.
- Fairhurst, G. T. , & Sarr, R. A. (1996), *The Art of Framing: Managing the Language of Leadership*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Fico, F. & Drager, M. (2001). *Partisan and structural balance in news stories about conflict generally balanced*. Newspaper Research Journal, 22(1), 2–11.
- Gans, H. (1979). *Deciding What's News*. London : Constable. Soloski 1996.
- Gans, H. (1980), *Are U.S. journalists dangerously liberal?* Columbia Journalism Review, 24, 29-33.
- Goh, S. S. (2009). *Penterjemahan Bahasa Cina <> Bahasa Melayu*, Penyunting Radiah Yusoff & Goh Sang Seong (pp. bab 10, 158-172) Kuala Lumpur: Attin Press Sdn Bhd.
- Goffman, E. (1974). *Frame analysis: An essay on the organization of experience*. New York: Harper & Row.
- Gitlin, T. (1980), *The Whole World is Watching: Mass Media in the Making and Unmaking of the New Left* (Berkeley: University of California Press).
- Hasuria, C.O. & Rokiah, A. (2009). *Kelestarian Bidang Penterjemahan*. Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-12: Persatuan Penterjemahan Malaysia: Kuala Lumpur.
- Hender (2008). *The English Students' Difficulties in Translating English News Headlines*. English Department, Widyatama University: Bandung.
- Hsieh, H-F., & Shannon, S. E.(2005). *Three Approaches to Qualitative Content Analysis*. Qualitative Health Research; 15(9):1277-88
- Iyengar, S. (1991). *Is Anyone Responsible? How Television Frames Political Issues*. Chicago: University of Chicago Press.
- Ifantidou, E. (2009). *Newspaper Headlines and Relevance: Ad Hoc Concepts in ad hoc contexts*, Journal of Pragmatics 41 (2009) 699-720. Received 10 May 2007; received in revised form 21 October 2008; accepted 28 October 2008.
- Iyengar, S. (1987). *Television News And Citizens' Explanations Of National Affairs*. American Political Science Review, 81, 815-831.

- Jamudin, I. (1996). *Peranan Akhbar Berbahasa Melayu dalam Memenuhi Tanggungjawab Sosial di Malaysia*. Kertas Kerja PAPM. Beijing Foreign Studies University, China.
- Johnston, R., Hagen, M. G., & Jamieson, K. H. (2004). *The 2000 Presidential Election and the Foundations of Party Politics*. New York: Cambridge University Press.
- Kanmani, S. (2007). *Perjemahan Berita di Televisyen: Kaedah dan Peranan Penterjemahan*. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Krishnan, R. (2006). *The Possibilities and Impossibilities of Translating Malay into Tamil*. Faculty of Language and Linguistics, University of Malaya: Kuala Lumpur.
- Maggi, L. (2005). *Blanco to Nation: Our people will return*; radio address promotes State-federal teamwork. The Times Picayune, pp. A03.
- Mus, C.S. (1992). *Sumber Berita: Analisis isi kandungan empat akhbar Harian Nasional Malaysia*, Jurnal Komunikasi Jilid 81992 Halaman 49-63.
- Muthurasan, K. (1994). *Ithaliyal Valarcchiyum moli Peyarppum*. Mullaiyarasan Pathippagam, H.52 Tamil Naadu Viidduvasathi Vaariyam.
- Newmark, P. (1992). *Pendekatan Penterjemahan*. Penterjemah, Zainab Ahmad, Zaiton Ab.Rahman. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Othman, T. (2013). *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan & Statistik*, Penerbit University Putra Malaysia: Serdang.
- Paddabiraman, k. (1989). '*Mozipeyarppuk kalai*' vasanthe selvi pathippagam 74, Velippeddaith theru tharumapuri.
- Prakova, E. (2009). *Grammar in Newspaper Headlines*, University of Pardubice Faculty of Arts and Philosophy, Department of English and American Studies.
- Pan, Z., & Kosicki, G. M. (1993). Framing analysis: an approach to news discourse. Political communication, 10(1), 55-75. Retrieved from <http://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/10584609.1993.9962963>
- Petroniene, S. & Zvirblyte, I. (2012). *Headlines of Online News Articles: Degree of Equivalence in Translation*: Studies About Languages. 2012. No. 21, Retrieved from <http://dx.doi.org/10.5755/j01.sal.0.21.2839>
- Pan, Z., & Kosicki, G. M. (1991). *Influencing opinion responses through question framing: Does it make any difference?* Paper presented at the annual conference of the Association for Education in Journalism and Mass Communication, Boston, MA.
- Pan, S. & Ryan (2007). *Gender, framing and travelogues*. Journal of Travel Research, 45(4), 464-474.
- Rangasamy, K. (2008). *The Role of Tamil Newspapers in Ethnic Cultural Continuity in Contemporary Malaysia*. Journal of Social Issues in Southeast Asia; Aug89,

Vol. 4 Issue 2, p190-204, 15p. Does it make any difference? Paper presented at the annual conference of the Association for Education in Journalism and Mass Communication, Boston, MA

- Rich, C. (2000). *Writing and Reporting News: A Coaching Method*. Belmont: Wadsworth Publishing Company.
- Romylyn, A.M. (2013). *A Discourse Analysis of News Headlines: Diverse Framings for A Hostage-Taking Event*. College of Education, University of the Philippines: Philippines. ISSN: 2186-8492, ISSN: 2186-8484 Print Vol.2No May2013.
- Robinson, D. (1997). *Becoming a Translator. An Introduction to the Theory and Practice of Translation*. Routledge 270 Madison Avenue: New York.
- Sankaran, R. (1997). *Peranan organisasi dan kandungan akhbar-akhbar utama di semenanjung Malaysia*. Jabatan Pengajian Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya.
- Saxena, S. (2006). *Headline Writing*. Sage Publication. Retrieved from <https://books.google.com.my/books?isbn=0761934219>
- Sobur, A. (2012). *Analisis Teks Media*, Suatu Pengantar Untuk Analisis Wacana, Analisis Semiotik, dan Analisis Framing. Remaja Rosdakarya. Bandung.
- Scheufele, D. (1999). Framing as a theory of media effects. *Journal of Communication*, (August 1996), 103–122. <http://doi.org/10.1111/j.1460-2466.1999.tb02784.x>
- Siti, S.O., Liana, M.N., & Lee, K. T. (2013). *Pemilihan Berita Dari Perspektif Wartawan Media Cetak Di Malaysia*, *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal Of Communication*, Jilid 29 (2) 2013:51-68.
- Stephens, M. (2007). *A History of News*. Edisi ke-3 New York: Oxford University Press.
- Suima, I. P. (2014). *'Translation of the Newspapers Headlines'*. Oles Honchar Dnipropetrovsk National University.
- Shi, X. (2014). *English – Chinese News Headlines Translation from a Skopostheorie Perspective*. Academy Publisher: Finland: Theory and Practice in language Studies, Vol. 4, No.9, pp.1881-1885, September 2014.
- Tuchman, G. (1978). *Making news: A study in the construction of reality*. New York: Free Press.
- Weaver, D.H. (2007). *Thoughts on Agenda Setting, Framing, and Priming*. *Journal of Communication* 57: 142-147.
- Yang, L. F., (2012). *Framing Interethnic Conflicts: A Comparative Analysis of Malaysian Newspapers*. Department of media studies, Faculty of arts and Social Sciences, university of Malaya: Kuala Lumpur.
- Zubaidah, I., Abdul, R.M.Y., & Supramani, S. (2006). *Kajian Bahasa dan Terjemahan*. Penerbit Universiti Malaya, Universiti Malaya: Kuala Lumpur.

- Zhou, X. (2008). *Cultural dimensions and framing the Internet in China: A cross-cultural study of newspapers*, coverage in Hong Kong, Singapore, the U.S. and the UK. *International Communication Gazette*, 70(2), 117–136.
- Lee, K. T., & Mohd, S. H. (2009). *Media Framing of a Political Personality: A Case Study of a Malaysian Politician*. *European Journal of Social Science*, 9(3): 408-424.
- Lee, K. T., Siti, S. O. & Liana, M. N. (2013). *Pemilihan Bingkai dan Sumber Berita untuk Peningkatan Berita Nasional dalam Akhbar Arus Perdana di Malaysia*. Suatu Tinjauan di Kalangan Wartawan Belia : Jurnal Intelek (2013) Vol 8(1).
- Nurul, A.A.H. & Faridah, I. (2012). *Peningkatan Berita Etnik Dalam Akhbar-Akhbar Aliran Perdana Di Malaysia*. *Jurnal Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia*. Jilid 28(2): 95-112.
- Naimah, A. (2005). *Cemerlang dalam peperiksaan, lemah dalam kemahiran komunikasi: Permasalahanyang dihadapi oleh pelajar penutur bukan jati yang mempelajari bahasa ketiga*. *Proceedings of ILANNS 2005 Conference*. MARA University of Technology Malaysia.
- Pan, Z. & Kosicki, G. M. (1993). *Framing Analysis: An Approach to News Discourse*. *Political Communication*, 10(1): 55-75.
- Reese, S. D. (2001). *Framing public life: A Bridging Model for Media Research*. Halaman,7-32. London: Lawrence Erlbaum Associates.
- Reese, S. D., Gandy, O. H. Jr. & Grant, A. E. (1991). *Framing Public Life: Perspectives on Media and Our Understanding of the Social World*. Mahwah NJ: Erlbaum.
- Sarah, S. (2012). *Frame Analysis: Konstruksi Fakta Dalam Bingkai Berita*. Fakultas Ilmu Komunikasi Universitas Esa Unggul, Jakarta. Forum Ilmiah Volume 9 Nomer 3.
- Semetko, H. A., & Valkenburg, P. M. (2000). *Framing European politics: A content analysis of press and television news*. *Journal of Communication*, 50(2),93–110
- Scheufele, D. A., & Tewksbury, D. (2007). *Framing, Agenda Setting and Priming: The Evolution of Three Media Effects Models*. *Journal of Communication*, 57: 9-20.
- Siti, N. A. B. (2013, September 2). *Jenayah meningkat, cabaran terbesar KDN*. Sinar Online. Retrieved on 2nd September 2013 from <http://www.sinarharian.com.my/hiburan/jenayah-meningkat-cabaran-terbesar-kdn-1.197894>
- Sobur, A. (2004), *Analisis Teks Media Suatu Pengantar Untuk Analisis Wacana, Analisis Semiotik, Dan Analisis Framing*. Bandung: PT. Remaja Rosdakarya.
- Iyengar, S. (2009). *How Framing Influences Citizen Understanding of Public Issues*. Retrieved on 5 August 2017 from <http://www.frameworksinstitute.org/assets/files/iyengarinterview2009.pdf>
- Iyengar, S. (2005). *Speaking of Values: The Framing of American politics*: Volume 3, Issue3, Stanford University, siyengar@stanford.edu. Retrieved from <http://pcl.stanford.edu/common/docs/research/iyengar/2005/speaking.pdf>

- Takeshita, T. (2006). *Current critical problems in agenda-setting research*. International Journal of Public Opinion Research, 18, 275–296.
- Takeshita, T. (1997) *Exploring the media's roles in defining reality: from issue-agenda setting to attribute-agenda setting*. Communication and Democracy: Exploring the Intellectual Frontiers in Agenda-Setting Theory, 15-27.
- Takeshita, T. & Mikami, S. (1995). *How did mass media influence the voters' choice in the 1993 general election in Japan? A Study in Agenda Setting*. Public Opinion Quarterly, 28, 483-496.
- Tanner, R. (2005). *Five days after Katrina, evacuation continues*. The Associated Press State & Local Wire. Retrieved February 20, 2006, from Lexis Nexis Academic database.
- Tanner, R. (2005). *The Cavalry Arrives: National Guard Relief Convoy Rolls into New Orleans*. The Associated Press State & Local Wire. Retrieved February 3, 2006, from Lexis Nexis Academic database.
- Thomas E.N., Rosalee, A.C., Zoe, M.O. (1997). *Media Framing of a Civil Liberties Conflict and Its Effect on Tolerance*. The American Political Science Review, Vol.91, No.3 (Sep., 1997), pp.567-583.
- Tuchman, G. (1972). *Objectivity as Strategic Ritual: An examination of Newsmen's Notions of Objectivity*. American Journal of Sociology, 77(4), 660-679.
- Tuchman, G. (1977). *The Exception Proves the Rule: The Study of Routine News Practices in the United States*. In Jane Leftwich Curry and Joan R. Dassin, editors, Press Control Around the World. New York, Praeger, 1982 pp 3-21.
- Jewkes, Y. (2004). *Media & Crime*. Sage Publication India Pvt Ltd.
- Zhang, Y., & Wildemuth, B. M. (2009). *Qualitative Analysis of Content*. In B. Wildemuth (Ed.), Applications of Social Research Methods to Questions in Information and Library Science (pp.308-319). Westport, CT: Libraries Unlimited.
- Not Stated (2016, May 7). *Kes Jenayah Indeks Meningkat 4.6% sehingga April tahun ini*. Utusan Online. Retrieved on. 23 March 2016 from <http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/kes-jenayah-indeks-meningkat-4-6-sehingga-april-tahun-ini-1.319570>
- Not Stated (2017, June 15). *Assault Victim T. Nhaveen Dies in Hospital*. Astro Awani. Retrieved on 25 June 2016 from <http://english.astroawani.com/malaysia-news/assault-victim-t-nhaveen-dies-hospital-146337>